

Jilid III
Bil. 4



Hari Jumaat
29hb Mac, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 509]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D. Y. M. M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 561]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA
BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD
(Tumpat).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T.
(KualaTerengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (KOTA
SETAR).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FAUD STEPHENS
(Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO' MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 29hb Mac, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MAKTAB PERGURUAN DI
BAWAH FAKULTI
PENDIDIKAN

1. **Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerianya ada rancangan untuk meletakkan semua Maktab Perguruan di bawah Fakulti Pelajaran Universiti-universiti tempatan dengan tujuan di antara lain:

- (a) meningkatkan taraf professional perguruan;
- (b) memudahkan penyelidikan pelajaran terutama sekali dari segi kaedah mengajar dan proses pembelajaran; dan
- (c) untuk memastikan mutu perguruan dipertingkatkan atau dikekalkan di paras tertentu;

jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini. Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk meletakkan Maktab Perguruan di bawah Fakulti Pendidikan universiti-universiti

tempatan. Jika perkara ini dilakukan ia akan merumitkan pentadbiran maktab-maktab tersebut. Selain daripada itu maktab-maktab telah dapat melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka oleh Kementerian Pelajaran.

Perkara (a), (b) dan (c) seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat boleh dilaksanakan di peringkat maktab-maktab itu sendiri tanpa meletakkannya di bawah Fakulti Pendidikan universiti-universiti tempatan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan bercadang untuk menawarkan kursus Sarjana Muda Pendidikan iaitu khas untuk Pengajian Pelajaran Rendah dan Pelajaran Asas, kalau bukan kepada guru-guru pelatih untuk pelajaran rendah, tetapi untuk "key personnel" bagi pelajaran rendah seperti pegawai-pegawai tinggi dalam Kementerian, Pensyarah-pensyarah Maktab Perguruan dan juga Guru-guru Besar di sekolah-sekolah rendah, kerana kursus seumpama ini akan memberi persediaan yang lebih lengkap dari segi teori dan juga amalan. Terima kasih.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya universiti-universiti kita ada menawarkan kursus-kursus secara langsung dalam bidang pendidikan yang membolehkan kelulusan itu dianggapkan sebagai ikhtisas untuk mengajar.

Mengenai "key personnel" dengan izin, yang disebutkan tadi, setakat ini yang kita tahu "key personnel" ialah mereka yang berkaitan dengan pengajaran KBSR.

Setakat ini kita belum ada lagi rancangan untuk melatih "key personnel" ini sehingga ke peringkat universiti, selain daripada peraturan yang ada sekarang, seperti yang saya katakan yang ada kaitan dengan pendidikan KBSR.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir)

TUDUHAN MENYALAHGUNAKAN WANG KESATUAN— PENYIASATAN

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh menyatakan hasil siasatan yang dijalankan oleh Kementerian Buruh ke dalam tuduhan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Buruh, Y.B. Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman, bahawa pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja telah menyalahgunakan wang kesatuan yang melibatkan berjuta-juta ringgit dan sama ada Menteri berkenaan akan meminta maaf secara terbuka kepada pergerakan kesatuan sekerja sekiranya tuduhan-tuduhan tersebut didapati tidak berasas.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penyiasatan terhadap 8 kes perbelanjaan-perbelanjaan tertentu wang kesatuan yang dianggap tidak selaras dengan peruntukan undang-undang atau bertentangan dengan peraturan dan perlembagaan kesatuan-kesatuan berkenaan telah pun selesai. Penyiasatan terhadap perbelanjaan-perbelanjaan yang lainnya sedang diteruskan. Kementerian Buruh kini sedang mempertimbangkan apakah

tindakan-tindakan yang sesuai diambil terhadap kes-kes yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, soal meminta maaf secara terbuka kepada pergerakan kesatuan sekerja tidaklah berbangkit kerana segala tindakan dan penyiasatan yang dilakukan oleh Kementerian Buruh dalam perkara ini adalah semata-mata bertujuan untuk melindungi pergerakan kesatuan sekerja itu sendiri serta kepentingan ahli-ahli kesatuan yang terlibat sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang. Sebahagian besar dari penyiasatan-penyiasatan berkenaan itu telah berbangkit berikutan dengan aduan-aduan yang diterima oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja daripada ahli-ahli kesatuan sekerja sendiri. Mengenai penyalahgunaan wang kesatuan yakni perbuatannya bertentangan dengan peruntukan-peruntukan undang-undang ataupun peraturan dan perlembagaan kesatuan-kesatuan yang berkenaan. Oleh yang demikian segala tindakan yang diambil oleh Kementerian dan pegawai-pegawainya adalah mempunyai asas yang kukuh dan tidak sekali-kali mempunyai niat buruk terhadap mana-mana pihak.

Tuan Lim Kit Siang: Penyiasatan dalam 8 buah kesatuan ini melibatkan wang berjuta-juta ringgit yang ada disebutkan dalam tuduhan-tuduhan ini atau kalau bukan berjuta-juta ringgit melibatkan berapa banyak wang?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar daripada 8 kes yang disiasat itu melibatkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit. Saya menyebut di sini kes yang disiasat yakni 8 kes yang disiasat itu kalau dijumlahkan semuanya \$10,133,325.09. Ini yang disiasat.

Saya suka menerangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang takut salah dilaporkan. Saya tidak

mengatakan ini kesalahan yang telah dilakukan kerana ini bergantung kepada hasil penyiataan dan jika ianya diadakan pendakwaan di mahkamah bergantung kepada keputusan mahkamah. Saya menyebut angka ini yang terlibat dalam kes-kes yang disiasat yakni melalui aduan-aduan yang diterima sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

DAVOS SYMPOSIUM—PER- WAKILAN MALAYSIA DI SWITZERLAND

4. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil yang akan diperolehi oleh Malaysia menerusi perjumpaan perwakilan Malaysia dengan pemimpin-pemimpin, pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha dari pelbagai badan terkemuka dunia di Davos, Switzerland baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, "Davos Symposium" yang dianjurkan oleh European Management Foundation lazimnya diadakan setiap tahun di Davos, sebuah bandar perangan di Switzerland. Para peserta ke perhimpunan ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan pertama terdiri daripada pemimpin-pemimpin negara manakala kumpulan kedua terdiri daripada tokoh-tokoh perniagaan peringkat tertinggi yang mewakili syarikat-syarikat terkemuka dari seluruh dunia.

Di perjumpaan tahunan ini kedua-dua kumpulan itu berpeluang untuk bertukar-tukar pendapat sesama sendiri serta membincangkan pelbagai perkara sesama. Di samping itu, para pemimpin negara yang turut serta juga berkesempatan untuk menjelaskan dasar-dasar negara masing-masing kepada para usahawan yang ada dengan tujuan menarik minat mereka supaya melabur di negara masing-masing.

Di Davos Symposium 85 yang berlangsung baru-baru ini, saya telah mengambil giliran mengetuai delegasi Malaysia ke perjumpaan tersebut. Delegasi Malaysia kali ini mengandungi 5 orang pegawai kanan Kerajaan dan kira-kira 10 orang wakil dari sektor swasta. Adalah dianggarkan lebih kurang 1,000 buah syarikat yang terkemuka dari seluruh dunia telah menghantar wakil ke symposium tersebut.

Dalam perbincangan saya dengan ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin negara di symposium itu yang sengaja diadakan secara tertutup dan, dengan izin, "off the record", saya telah mengambil kesempatan menerangkan kepada mereka pandangan serta pendirian Malaysia mengenai berbagai persoalan yang ada kepentingan kepada kita, khususnya dan kepada masyarakat dunia amnya. Ini termasuklah masalah-masalah politik dan ekonomi antarabangsa, sikap perlindungan negara-negara maju dan peri pentingnya semua negara melaksanakan segala perakuan di bawah Perjanjian UNCTAD.

Bersempena dengan symposium tersebut, delegasi Malaysia telah mengadakan satu seminar khas bertujuan menjelaskan kepada para peserta mengenai peluang-peluang pelaburan dan perniagaan di Malaysia serta dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dengan pelaburan asing. Seminar khas kali ini telah mendapat sambutan di luar jangkaan, di mana wakil-wakil daripada 87 buah syarikat terkemuka telah menghadirinya.

Ekoran daripada seminar ini, begitu banyak syarikat-syarikat telah membayangkan hasrat mereka sekurang-kurangnya hendak mengetahui lebih dekat lagi suasana pelaburan di Malaysia dengan melawat atau mengadakan perbincangan lanjut dengan wakil-wakil kita yang

berdekatan dengan pejabat-pejabat syarikat mereka. Di samping itu, saya sendiri telah mengadakan perbincangan khusus dengan 7 buah syarikat terkemuka Eropah yang berminat untuk melabur di negara ini. Syarikat-syarikat berkenaan terutamanya berminat dalam pengeluaran barang-barang berasas getah, komputer dan komponen kereta. Rundingan yang lebih lanjut antara syarikat-syarikat berkenaan dengan para pegawai kanan MIDA di seberang laut sedang giat dijalankan. Adalah dijangkakan bahawa hasil atau kesan daripada seminar khas ini akan mula diperolehi dalam masa beberapa bulan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati bahawa penyertaan Malaysia dalam "Davos Symposium" ini sangat berguna. Malaysia akan terus mengambil bahagian dalam simposium-simposium akan datang dengan menggalakkan sektor swasta mengambil bahagian dan sebolehnya diketuai oleh penganjur negara kita yang terkemuka.

Saya ingin juga memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak European Management Foundation akan menganjurkan satu Persidangan Meja Bulat, dengan izin, (Round Table Conference) bagi pelabur-pelabur khusus yang berminat melabur di Malaysia pada bulan Oktober 1985 ini. Persidangan ini dijangka akan dihadiri oleh ramai pemimpin-pemimpin tertinggi pihak swasta dari luar negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada dalam dialog di antara pemimpin-pemimpin negara Malaysia termasuk ahli-ahli perniagaan di Simposium Davos di Switzerland sama ada para bakal pelabur asing menimbulkan syak wasangka mereka

terhadap syarat-syarat yang terkandung dalam Akta-akta yang wujud sekarang mengenai pelaburan di negara kita dan di sini saya juga ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk melonggarkan beberapa syarat yang terkandung di dalam Akta-akta itu supaya dapat menggalakkan lebih banyak pelabur asing melabur di negara kita.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, syak wasangka tidak ada tetapi bertanya-tanya ada. Dalam soal yang berkenaan itu saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sedang meneliti tiap-tiap undang-undang dan peraturan-peraturan yang wujud di dalam negara kita ini khususnya di dalam bidang pelaburan untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa dan dari segi kepentingan masa akan datang, lebih-lebih lagi memandangkan keadaan di dunia ini di mana begitu banyak negara-negara lain yang berasing dengan kita untuk menarik para pelabur.

Dengan secara amnya saya suka menyatakan bahawa exercise ini sedang dijalankan dan adalah diharapkan dalam beberapa bulan yang akan datang di dalam rangka penggubalan kita Pelan Induk Perindustrian kita akan membuat keputusan di atas undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkenaan itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menerangkan di dalam Simposium di Davos, Switzerland ini pihak rombongan daripada negara kita yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat sendiri dan telah menyatakan salah satu daripada perkara yang dibangkitkan ialah sikap

perlindungan yang dilakukan oleh negara-negara maju di dunia ini. Oleh sebab ianya merupakan satu batu penghalang dalam proses kita mengadakan urusniaga dengan negara-negara maju ini, saya ingin mendapat penjelasan apakah jawapan ataupun maklumbalas yang diberi oleh pihak negara-negara maju manakala Malaysia telah membangkitkan soal sikap perlindungan ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal perlindungan ataupun dengan izin, "protectionism" di dalam bidang perdagangan antarabangsa memang merupakan subjek yang berkali-kali dan tiap-tiap kali dibangkitkan dalam forum-forum dan perjumpaan-perjumpaan seperti yang telah diadakan di Davos dan bolehlah dikatakan tiap-tiap wakil daripada tiap-tiap negara menyalahkan sikap perlindungan yang dianuti oleh negara-negara dan kumpulan-kumpulan negara-negara lain. Tetapi kepada mereka, apabila kita menarik perhatian mereka di atas sikap mereka sendiri, mereka cuba mencari jalan keluar menyatakan bahawa keadaan ekonomi di dalam negara mereka sendiri memerlukan sikap yang sedemikian, lebih-lebih lagi di kalangan wakil satu negara barat yang Menterinya hadir bersama-sama, ianya telah menyatakan bahawa keadaan politik ataupun sistem demokrasinya tidak membenarkannya mengambil sikap yang lebih liberal daripada yang telah diambil oleh negara yang berkenaan itu.

Jadi, di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, sukar benarlah kita hendak memastikan kejayaan kita untuk merobohkan keadaan sikap perlindungan masyarakat perdagangan antarabangsa, cuma kita harus terus berusaha menerusi pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ataupun agensi-agensi antarabangsa seperti Bangsa-bangsa Bersatu untuk sama-sama mengenal pasti masalah ini dan

cuba sedaya upaya mengenal pasti satu persatunya barang-barang yang memerlukan bantuan daripada negara-negara maju supaya khususnya bagi kepentingan negara-negara sedang membangun. Negara-negara sedang membangun tidak menghadapi masalah ini sebagai halangan ke atas potensi mereka berkembang lebih maju lagi bagi kepentingan mereka sendiri.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Perdana Menteri berhubung dengan masalah simposium di Davos, Switzerland ini. Adakah peserta-peserta simposium ini termasuk juga negara-negara yang membangun seperti negara Malaysia dan juga negara-negara kapitalis ataupun termasuk juga negara-negara sosialis dan juga komunis. Dan adakah seandainya ada negara-negara sosialis atau komunis ini yang ingin melabur di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat penganjur-penganjur negara-negara, wakil-wakil daripada negara-negara seperti Negara Republik Rakyat China dan Yugoslavia juga hadir di samping wakil-wakil daripada negara-negara seperti Turki yang diwakili oleh Perdana Menterinya, Tunisia, Filipina juga diwakili oleh Perdana Menteri masing-masing dan juga daripada negara-negara maju, tetapi kebanyakan daripada mereka yang mengambil bahagian ialah daripada negara-negara maju. Di peringkat masyarakat wakil-wakil swasta pula, kebanyakan ataupun 99% daripada mereka yang mengambil bahagian ialah datang daripada negara-negara yang maju di mana mereka inilah yang telah kita cuba berusaha untuk menarik supaya mereka datang melabur ke Malaysia.

TEMPAT PERHENTIAN TEKSI DI BANDARAYA

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah Dewan Bandaraya akan adakan tempat-tempat perhentian teksi di jalan-jalan yang sibuk, memandangkan pada masa ini pemandu-pemandu teksi dengan sewenang-wenangnya menurunkan penumpang atau mengambil penumpang sesuka hati mereka hingga kerap kali menyebabkan kesesakan Lalulintas dan pelanggaran yang melibatkan motosikal dan motokar yang mengekori di belakangnya.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sememangnya menyedari akan perkara ini dan sebab itu Dewan Bandaraya di dalam perancangannya terus membina tempat-tempat perhentian teksi dan meneliti tempat-tempat baru untuk menambahkan lagi bilangan keperluan tempat perhentian teksi di jalan-jalan utama di Pusat Bandaraya dan juga di merata tempat jika diperlukan. Sehingga ini Dewan Bandaraya telah menyediakan sebanyak 17 buah perhentian teksi untuk kemudahan orang ramai.

Langkah mengadakan banyak lagi tempat perhentian teksi dan bas tidaklah mencukupi bagi mengatasi masalah kesesakan Lalulintas di Kuala Lumpur. Yang lebih penting ialah sikap pengguna-pengguna jalan raya itu sendiri. Soal berdisiplin di jalan raya haruslah diberi perhatian utama oleh pengguna-pengguna jalan raya supaya sebahagian daripada kesesakan Lalulintas dapat diatasi.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri

iaitu mengenai kesesakan Lalulintas dalam Wilayah Persekutuan. Pada tahun lalu Dewan Bandaraya ada membuat satu percubaan iaitu menjadikan Jalan Masjid India sebagai "walking mall", dengan izin. Saya ingin tahu apakah hasilnya dan adakah "walking mall" ini akan dilaksanakan?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, memang betul pihak Dewan Bandaraya ada mencuba supaya Jalan Masjid India dijadikan "walking mall" dan dalam percubaan ini kita dapati bahawa ianya boleh diadakan. Maka dengan itu, kita akan jadikan Jalan Masjid India ini sebagai satu "walking mall" tidak lama lagi.

PEJABAT RIMV DI KLUANG

6. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian adalah menimbang untuk mengadakan Pejabat RIMV di Kluang yang sangat memerlukan perkhidmatan RIMV untuk memudahkan penduduk-penduduk membaharui lesen-lesen memandu dan lesen-lesen kenderaan. Jika ya, bila.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kluang atas minat yang ditunjukkan terhadap penubuhan sebuah pejabat kecil Jabatan Pengangkutan Jalan di bandar Kluang. Memang adalah menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan untuk berbuat demikian, di samping menubuhkan pejabat-pejabat kecil di tempat-tempat tertentu di negara ini. Walau bagaimanapun, dukacita Kementerian tidak dapat melaksanakan projek ini pada masa ini kerana kekurangan kewangan dan tenaga pekerja. Kementerian memang mempunyai rancangan-rancangan bagi

menyediakan kemudahan tersebut di bandar Kluang, akan tetapi terpaksa menangguhkan pelaksanaannya sehingga keadaan ekonomi negara bertambah baik kelak. Namun begitu, buat sementara waktu ini Jabatan Pengangkutan Jalan sedang menjalankan pemeriksaan kenderaan dan aktiviti ujian memandu di atas satu tapak yang dimiliki oleh Majlis Daerah Kluang.

Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti ujian memandu telah diadakan sebanyak 6 hari pada setiap bulan, di samping sebanyak 4 hari setiap bulan telah diuntukkan bagi pemeriksaan kenderaan.

Suka juga meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa permintaan beliau bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan Kluang itu sedang dalam perhatian Kementerian Pengangkutan untuk tindakan masa hadapan kelak.

Tuan Quah Wee Liam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap bulan di Kluang penduduk-penduduk menghadapi kesusahan oleh kerana Pejabat Pengangkutan beri 6 hari sahaja untuk memeriksa pemandu kereta-kereta. Saya telah buat banyak rayuan, tetapi hingga sekarang rayuan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta mengemukakan pertanyaan. Pertanyaannya apa?

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu bolehkah Kementerian Pengangkutan tambah lagi 2 hari untuk memeriksa pemandu lori atau kereta?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil ingatan atas rayuan itu. Tetapi tentang pekerja-pekerja seperti yang dikatakan, Kerajaan Persekutuan atas sebab-sebab kewangan (economy) telah pun mengadakan satu dasar membekukan jawatan-jawatan dan

jawatan tidak boleh ditambah seluruhnya. Apabila saya dapat berunding sekali lagi dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, saya akan mengkaji rayuan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PUSAT PENGAJIAN AGAMA— PENDAFTARAN

7. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa pusat-pusat atau sekolah-sekolah pelajaran agama yang berupa pondok-pondok perkampungan-perkampungan, tabika dan lain-lain bentuk banyak ditubuhkan di negara kita. Jika sedar, adakah Kerajaan berhasrat untuk berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pusat-pusat pelajaran tersebut didaftarkan dan diawasi, dan ini adalah bertujuan supaya dapat menyelamatkan pusat-pusat pelajaran tersebut dari anasir-anasir yang tidak sihat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang adanya pusat-pusat pengajian agama termasuk sekolah-sekolah pondok, tabika dan lain-lain yang juga bercorak agama. Pada masa ini Kerajaan masih mengkaji kedudukan pusat-pusat dan sekolah-sekolah agama itu untuk menentukan sama ada perlu didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961 dan diberi pengawasan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun demikian sudah adapun beberapa buah sekolah pondok di negara ini yang telah didaftarkan di bawah Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri dan dengan itu diberi bantuan kewangan dan akademik serta pengawasannya sekali oleh pihak Kerajaan. Di samping itu, Kerajaan sememangnya mengambil berat dan

memerhati keadaan sekiranya ada anasir yang akan mengelirukan maksud pusat-pusat pelajaran berkenaan ditubuhkan untuk mengajar pendidikan agama.

“BLACK POD”—PENYAKIT KOKO

8. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi penyakit “Black Pod” yang sekarang ini banyak memusnahkan tanaman koko di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, penyakit “Black Pod” koko yang disebabkan oleh cendawan “Phytophthora palmivora” adalah satu penyakit penting koko yang terdapat di semua kawasan tanaman koko di negara ini. Di Sabah dianggarkan 10% hingga 30% dijangkiti dengan penyakit ini. Kejadian penyakit ada kaitan dengan keadaan cuaca dan pusingan pemuahan. Jangkitan penyakit boleh menjadi teruk pada musim hujan dan dalam keadaan kebun yang lembab. Penyakit ini dapat dikawal dengan disemur dengan racun cendawan jenis kuprum (copper fungicide).

Kementerian Pertanian juga memberi bantuan dan nasihat kepada pekebun-pekebun melalui sistem pengembangan iaitu sistem 2L. Buah-buahan yang berpenyakit hendaklah dipetik dan dibakar. Saluran air hendaklah diperbaiki untuk mengurangkan kelembapan tanah dan kawasan kebun. MARDI menjalankan penyelidikan untuk memahami kesan persekitaran seperti hujan dan pengembangan penyakit untuk mendapatkan kaedah pengawalan yang lebih efektif dan ekonomik. Program pembaikan baka sedang diusahakan untuk mendapatkan klon-klon yang tahan kepada penyakit tersebut.

DASAR MEKANISASI SEKTOR PERTANIAN

9. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan butir-butir tentang tahap penggunaan, pembaziran dan masalah-masalah penggunaan jentera-jentera di jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerianya. Setakat mana prestasi dasar mekanisasi dalam sektor pertanian berjaya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan jentera dalam perusahaan pertanian khususnya tanaman padi telah mencapai tahap yang memuaskan. Semua kerja-kerja penyediaan tanah dan kira-kira 90% daripada kerja-kerja penuaian dan pemerosesan padi kini dilaksanakan dengan menggunakan tenaga jentera. Tahap penggunaan jentera-jentera LPP juga adalah tinggi iaitu di antara 7 hingga 8 jam sehari terutama di waktu-waktu memuncak. Penggunaan jentera-jentera kepunyaan Lembaga oleh peladang-peladang terus meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 1982 sejumlah 11,080 hektar kawasan telah dapat dibajak dan dituai, manakala pada tahun 1984 jumlah ini meningkat kepada 19,995 hektar. Tahap ini akan dipertingkatkan lagi menerusi program mekanisasi pertanian di bawah Jabatan Pertanian dan LPP menerusi pusat-pusat kejenteraan masing-masing di seluruh negara.

Dalam hubungan ini Jabatan Pertanian melaksanakan kursus-kursus kejenteraan pertanian, mengadakan khidmat-khidmat sokongan teknikal dan menjalankan kerja-kerja pengenalan dan penggalakkan teknologi jentera pertanian yang terpilih dan bersesuaian melalui sistem pengembangan Jabatan. Sungguhpun prestasi yang dicapai dalam melaksanakan dasar mekanisasi pertanian memuaskan, tetapi beberapa langkah sedang diambil bagi

mengurangkan pembaziran dan lain-lain masalah berhubung dengan penggunaan jentera. Ini termasuklah pembelian dan penggunaan jenis jentera yang benar-benar sesuai mengikut kawasan, bilangan yang cukup mengikut keperluan dan memaksimumkan penggunaan jentera supaya tidak hanya tertumpu kepada perusahaan penanaman padi sahaja.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini pihak Kementerian Pertanian telah pun mengarahkan supaya agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian menyediakan satu laporan mengenai jentera-jentera pertanian. Kelambatannya telah berlaku lebih dari 3 bulan. Saya ingin bertanya apakah sebab-sebab kelambatan itu berlaku.

Keduanya, apakah hasil-hasil daripada laporan yang telah diperolehi itu dan apakah tindakan-tindakan lanjut Kerajaan hasil daripada jawapan yang diberikan oleh agensi-agensi mengenai laporan kenderaan-kenderaan ataupun mesin-mesin yang tidak dapat digunakan di semua agensi di bawah Kementerian Pertanian.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, tindakan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu langkah Kementerian untuk mengurangkan pembaziran dan laporan panjang dan lengkap pun telah dikemukakan oleh Jabatan yang berkenaan dan laporan ini sedang diambil tindakan oleh pihak Kementerian dengan tujuan mengurangkan pembaziran dengan menggunakan jentera-jentera secara maksima.

IMBANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA—CHINA

10. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan sama ada benar atau tidak imbangan perdagangan dengan negeri China adalah tidak menguntungkan negara kita pada beberapa tahun kebelakangan ini. Sila berikan angka-angka perdagangan dengan negeri China bagi tahun 1982, 1983 dan 1984. Apakah sebab-sebabnya. Apakah langkah-langkah konkrit yang Kerajaan bercadang ambil untuk memperbaiki keadaan ini dan untuk mengeksploitasikan potensi pasaran negeri China yang besar akibat dari rancangan-rancangan pemodenan dan dasar "pintu terbuka" negara itu. Bagaimanakah Kerajaan akan menggalakkan para peniaga dan sogososha-sogososha kita supaya pergi dan meneroka secara aktif pasaran negeri China.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, adalah memang benar bahawa imbangan perdagangan antara Malaysia dan China sejak kebelakangan ini tidak menguntungkan kita. Pada tahun 1982, 1983 dan 1984 Malaysia telah mengalami kekurangan perdagangan (trade deficit) masing-masing berjumlah \$388.4 juta ringgit, 261.7 juta ringgit dan 242.1 juta ringgit. Eksport Malaysia pada tahun 1982, 1983, 1984 ialah masing-masing sebanyak 258.2 juta ringgit, 364.0 juta ringgit dan 310.2 juta ringgit, sementara import pula pada tahun-tahun yang sama ialah 646.6 juta ringgit, 625.7 juta ringgit dan 552.3 juta ringgit.

Antara sebab-sebab berlakunya ketidakseimbangan di dalam imbangan perdagangan dengan China ialah kerana dasar Kerajaan China mengutamakan pengimportan bahan-bahan mentah dan barang-barang modal. Oleh itu eksport Malaysia telah tertumpu kepada pengeksportan barang mentah seperti getah, balak dan kayu digergaji dan minyak kelapa sawit. Pengeksportan barang tersebut melebihi 90% daripada jumlah nilai

eksport Malaysia ke China. Di samping itu import dari China adalah tinggi disebabkan sebahagian besar terdiri daripada barang-barang makanan termasuk makanan dalam tin dan mudah rosak yang mana Malaysia masih mengimport dengan banyaknya.

Kerajaan telah pun menubuhkan pusat ataupun Pejabat Perdagangan di Beijing untuk membantu pengeksporth-pengeksporth Malaysia mendapatkan pasaran yang lebih meluas. Di samping itu Kerajaan akan terus menganjurkan rombongan-rombongan perdagangan ke China yang disertai oleh peniaga-peniaga dan sogoshosha-sogoshosha Malaysia. Pertimbangan juga dibuat untuk membenarkan lawatan-lawatan persendirian oleh peniaga-peniaga dan sogoshosha-sogoshosha Malaysia bagi tujuan eksport.

Dengan adanya "Dasar Pintu Terbuka" yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan China pada masa ini peluang untuk memperbaiki dan meningkatkan kedudukan perdagangan dua hala ini diantara kedua-dua negara akan bertambah cerah. Kerajaan sedang mengkaji secara terperinci dan mengenalpasti strategi dan cara-cara meningkatkan lagi eksport Malaysia ke China.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa antara Kementerian bagi tujuan untuk melicinkan perniagaan terus di antara negara Malaysia dengan Negeri China, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah garis panduan-garis panduan yang akan diambil kira bagi tujuan untuk mengadakan perbincangan untuk mencapai tujuan melicinkan perniagaan terus negara Malaysia dan China.

Di samping ini suka saya mendapat tahu setakat mana kemajuan yang dapat dicapai.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya telah wujud satu Jawatankuasa yang telah pun dibentuk oleh Kerajaan untuk mengkaji seluruh aspek dari segi perhubungan antara Malaysia dan China dan termasuk satu aspek yang penting yang ditekankan untuk soal-soal perdagangan dua hala.

Dan kajian ini masih lagi belum diselesaikan dan cadangan-cadangan akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan untuk mendapat keputusan yang muktamad dan saranan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi belum dapat kita putuskan walaupun pada dasarnya memang usaha yang kita sedang jalankan ialah bagi mempertingkatkan perhubungan perdagangan yang sudah sedia wujud dan mencari jalan bagaimana usaha-usaha dapat kita galakan dari segi pengeksporthan ke negara China.

Sebab itu saya telah pun menyebutkan di dalam jawapan saya tadi mengatakan bahawa kita juga ada memberikan pertimbangan-pertimbangan kepada pihak persendirian ataupun syarikat-syarikat yang berminat untuk ke China tetapi untuk tujuan pengeksporthan barang-barang hasil keluaran Malaysia sendiri dan oleh sebab itu sehingga Jawatankuasa ini mengemukakan cadangan yang muktamad setakat ini kita belum dapat lagi hendak menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa lebih daripada 60% pengimportan ataupun eksport barang-barang kita kepada negara China ialah bahan-bahan mentah, apakah sebabnya negara China tidak begitu berminat membeli barang-barang buatan Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil

langkah yang lebih agresif untuk mengeksportkan barang-barang buatan ke negara China, termasuk juga Proton Saga pada satu hari nanti.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar ialah terutamanya kemhubungan dengan soalan Yang Berhormat tadi ialah kerana Kerajaan China juga sekarang ini sedang memperhebatkan usaha mereka untuk memodenkan sektor perindustrian di dalam negara itu. Dan justru itu tekanan utama yang mungkin sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri China ialah untuk mengimport barang-barang ataupun bahan-bahan utama untuk dapat diproses oleh negara mereka sendiri dan dipasarkan untuk kegunaan sendiri, dengan sebab itu kita merasakan sulit pada peringkat sekarang ini untuk cuba dapat menembusi pasaran Negeri China dari segi barang-barang siap yang telah dikeluarkan oleh industri tempatan.

Namun begitu, oleh sebab sudah pun ada perubahan-perubahan dan kelonggaran dari segi dasar perdagangan yang sedang pun diamalkan oleh Negeri China, sebagaimana yang disebutkan sebagai dasar pintu terbuka maka ini membuka ruang yang lebih besar untuk memungkinkan kita, khususnya negara-negara pengeluar bahan-bahan yang siap seperti Malaysia ini untuk cuba dengan secara yang lebih agresif berusaha untuk memperkenalkan hasil barangan kita dan di samping itu dapat menandingi usaha yang sama yang sedang juga dilakukan oleh negara-negara pengeluar yang lain. Dalam aspek ini, saya berpendapat memang kemungkinan besar bagi kita dapat memperluaskan pasaran kita ke Negeri China, termasuk saranan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah soal bagi kita mengeksport kereta Proton Saga.

PERDAGANGAN DENGAN CHINA— LAWATAN

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar akan betapa perlunya dilonggarkan sekatan-sekatan untuk melawat negeri China khususnya bagi ahli-ahli perniagaan memandangkan bertambah pentingnya pasaran China untuk barang-barang dan produk Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang perkembangan perdagangan yang kian meningkat di antara negara kita dengan Republik Rakyat China. Malah Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan lagi peluang-peluang perdagangan dengan negara tersebut. Selaras dengan hasrat ini Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan yang wajar kepada pedagang-pedagang tempatan berurusan dengan negara tersebut agar matlamat yang diharap di bawah Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai sepenuhnya.

Setakat ini Kerajaan telah membenarkan pedagang-pedagang kita mengadakan perhubungan terus dengan negara berkenaan bagi mengadakan perbincangan-perbincangan ataupun projek usahasama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum perhubungan negara kita dengan Republik Rakyat China adalah masih terbatas di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan. Peraturan atau dasar ini akan terus kita kekalkan selagi pihak Republik Rakyat China masih terus menyatakan sokongan moral dan politiknya kepada Parti Komunis Malaya. Walaupun demikian, Kerajaan sedang mengkaji peraturan-peraturan ini keseluruhannya untuk

meningkatkan perhubungan-perhubungan perdagangan di antara kedua-dua negara dalam lingkungan langkah dasar dan aspirasi negara kita tanpa menjejaskan kepentingan keselamatan dan politik negara.

DIPLOMA MAKTAB PERGURUAN

12. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menaikkan taraf Sijil Perguruan dari Maktab-maktab Perguruan di Malaysia kepada taraf Diploma memandangkan jangka masa latihan telah dilanjutkan daripada dua tahun kepada tiga tahun dan calon-calon guru itu mempunyai kelulusan akademik yang sesuai untuk latihan peringkat Diploma.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran telah pun mengkaji perkara ini dan satu cadangan telah dikemukakan kepada pihak agensi Pusat Kerajaan untuk pertimbangan selanjutnya.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan juga bercadang untuk memberi peluang kepada mereka yang telah menjalani latihan selama tiga tahun ini untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat pelajaran tinggi iaitu Universiti tempatan selama setahun atau dua tahun sahaja untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pendidikan supaya mereka ini tidak payahlah mengikuti kursus mulai dari tahun pertama di Universiti.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, jika yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mereka yang telah mengikuti kursus selama tiga tahun ini mempunyai peluang untuk mengikuti

kursus ke peringkat Universiti, saya ingin menyatakan ini tergantung kepada permohonan dan kelayakan oleh pelatih-pelatih ini untuk berbuat demikian. Dan sekiranya mereka layak dan mengikuti syarat yang dikenakan oleh Kementerian pelajaran, mereka memang dibenarkan mengikuti kursus seperti yang dinyatakan.

SURAT BERANAK/KAD PENGENALAN—PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS

13. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah Surat Beranak dan Kad Pengenalan di kawasan luar bandar Sarawak memandangkan Kad Pengenalan dan Surat Beranak adalah menjadi perlu pada zaman sekarang untuk mendapatkan pekerjaan, membeli Amanah Saham Nasional, menyertai peperiksaan di Sekolah dan mengundi di waktu pilihanraya, oleh keranan kebanyakan kawasan luar bandar Sarawak tidak mempunyai infrastruktur dan terletak jauh dari bandar-bandar untuk membuat satu salinan Surat Beranak akan menelan belanja wang yang besar.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri pada masa ini tidak bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas semata-mata untuk mengkaji masalah surat-surat beranak dan kad pengenalan di kawasan luar bandar di Sarawak. Ini adalah kerana Kementerian Dalam Negeri mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan peraturan biasa berserta dengan kerjasama dari 425 orang yang telah dilantik sebagai Timbalan Pendaftar untuk menjalankan kerja-kerja pendaftaran kelahiran dan kematian di kawasan pedalaman di

seluruh Negeri Sarawak dan mereka ini adalah terdiri dari Pegawai Perubatan, Guru-guru Besar sekolah, Pembantu Rumahsakit bidang Kerajaan di pusat kesihatan dan kelinik desa, Ketua-ketua kaum serta Ketua Kampung.

PENYELUDUPAN— MEMBANTERAS

14. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kewangan menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk membanteras penyeludupan yang sentiasa berlaku di sempadan Malaysia dengan Thailand:

- (a) berapa banyak tangkapan-tangkapan yang dilakukan sepanjang tahun 1984 dan jenis-jenis barang yang diseludup; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian ini di dalam melipatgandakan usaha untuk menghapuskan kegiatan penyeludupan di sempadan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, jumlah tangkapan yang dilakukan sepanjang tahun 1984 ialah 64 orang. Jenis-jenis barang yang diseludup ialah:

- (1) Beras.
- (2) Buah-buahan.
- (3) Dadah.
- (4) Kain dan pakaian.
- (5) Perkakas aluminium.
- (6) Ayam dan telur.
- (7) Bahan-bahan makanan seperti mee hun, tepung dan serbuk perasa.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang telah diambil untuk menghapuskan kegiatan penyeludupan di sempadan

Malaysia/Thailand adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan rondaan di darat dan di laut.
- (ii) mengadakan sekatan jalanraya.
- (iii) membuat serbuan di tempat-tempat tertentu.
- (iv) menjalankan serang hedap atas maklumat yang diterima; dan
- (v) menjalankan operasi bersama dengan Unit Pencegah Penyeludupan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada cara menghapuskan penyeludupan yang dikatakan oleh Timbalan Menteri ialah rondaan di darat dan di laut. Rondaan di laut ialah bot-bot digunakan. Jadi keadaan bot-bot yang dipakai oleh pihak Kastam itu adalah tidak memuaskan dan selalu rosak, yang baru tidak ada. Adakah perkara itu benar?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, memang bot-bot itu macam motokar dan lain-lain kenderaan mekanik, kadang kala akan menghadapi, dengan izin, "mechanical failure". Oleh sebab itu langkah-langkah telah diambil di mana masalah begini dikurangkan dan jika perlu dan sampai masanya akan menukar dengan bot-bot lain. Kajian yang teliti dan mendalam akan dibuat untuk mencari jenis-jenis enjin yang lebih tahan dan lebih kuat.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah beliau menyatakan anggaran jumlah dari segi kewangan barang-barang yang dianggarkan diseludup dari Thailand ke negara kita pada tiap-tiap tahun, kerana angka yang diberikan oleh beliau tadi ialah mengenai angka pihak yang ditangkap.

Adakah benar bahawa keadaan penyeludupan di sempadan itu sudah begitu merebak disebabkan kekurangan berkesan atau tidak dapat berkesannya enforcement undang-undang terhadap penyeludupan?

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab masalah mengawal penyeludupan dengan berkesannya pihak Kastam, pihak Polis dan juga pihak Imigresen di sempadan Malaysia-Thailand, perlu juga mendapat kerjasama dari pihak rakyat Malaysia dan jika pihak Kastam sentiasa mendapat kerjasama dan maklumat dari rakyat Malaysia, saya rasa kita akan dapat mengurangkan lagi kes-kes penyeludupan.

Perkara yang diambil perhatian yang berat di dalam Kementerian Kewangan sekarang dan juga Kementerian Dalam Negeri ialah masalah penyeludupan dadah dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1981 seramai 66 orang telah ditangkap, pada tahun 1982, 20 orang telah ditangkap dan bagi tahun 1983 seramai 39 orang telah ditangkap dan untuk tahun 1984 pula 20 orang telah ditangkap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Ibrahim bin Abdullah.

(Soalan No. 15 Y.B. Wan Ibrahim bin Abdullah tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ban Hon Keong.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Ban Hon Keong tidak hadir).

PERHIMPUNAN UMUM OLEH KETUA MENTERI SARAWAK

17. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berkaitan dengan krisis politik di negeri Sarawak baru-baru ini dalam mana Ketua Menteri Sarawak telah mengadakan

beberapa perhimpunan umum yang besar (public rally) dalam tempoh tiga puluh hari, adakah perhimpunan ini haram, jika tidak mengapa dan sama ada benar pemimpin-pemimpin parti lain boleh mengadakan perhimpunan yang sama di kawasan terbuka; jika tidak dibenarkan sila terangkan oleh kerana setiap rakyat adalah sama di sisi undang-undang negara.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mengadakan perjumpaan dengan rakyat adalah sebahagian daripada tanggungjawab beliau sebagai seorang Ketua Menteri.

Beliau mempunyai, dengan izin, "prerogative" sebagai Ketua Menteri bagi mengadakan perhimpunan-perhimpunan tersebut untuk tujuan berjumpa dengan rakyat terutama dalam usaha memberi penerangan kepada rakyat tentang rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan di negeri Sarawak.

Mengenai rapat umum politik, sukalah ditegaskan di sini bahawa pengharamannya masih lagi berkuatkuasa di seluruh Malaysia.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri membeza-bezakan di antara rapat umum yang diadakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di Sarawak dengan rapat-rapat umum yang diharamkan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, rapat-rapat umum politik memang ditengah dan diharamkan di seluruh Malaysia dan selaku Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat itu mempunyai prerogative sebagaimana yang saya telah terangkan tadi untuk memberi penerangan dalam perjumpaan-perjumpaan dengan orang ramai. Jika terdapat 100 orang

yang menghadiri perjumpaan tersebut, maka setakat 100 oranglah akan hadir, tetapi jika sebaliknya terdapat 5,000 atau mungkin 10,000 orang hadir, maka 5,000-10,000 orang akan hadir di dalam perjumpaan untuk menemui Ketua Menteri itu.

PELANCONG—GALAKAN OLEH TDC

18. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejauhmanakah peranan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) dari tahun 1980-1984 telah berkesan dalam menarik lebih ramai lagi para pelancong ke Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah;
- (b) pernahkah Kerajaan membuat satu kajian untuk menentukan apakah aspek-aspek negara kita yang dianggap "instrumental" dalam menarik para pelancong asing ke negara kita ini. Jika ada, apakah langkah-langkah positif diambil oleh Kerajaan supaya aspek tersebut dibina dengan lebih berkesan lagi supaya faktor tersebut dapat menarik lebih ramai lagi pelancong ke Malaysia; jika tidak, mengapa; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang supaya mengadakan satu pelan induk pelancongan bagi negara kita dalam masa sepuluh tahun yang akan datang dan jika ya, nyatakan butir-butir pelan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada langkah-langkah pengalakan yang dijalankan oleh Kerajaan,

jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke negara kita semakin meningkat dari tahun demi tahun.

Dalam tahun 1983 seramai 2,924,673 orang pelancong antarabangsa telah melawat Malaysia berbanding dengan 2,250,070 orang dalam tahun 1980. Di antara tahun-tahun 1980-1983, kadar purata pertambahan yang direkodkan ialah 9.1% setiap tahun. Prestasi ini adalah baik apabila kita ambil kira bahawa kadar purata tambahan seluruh dunia pada masa yang sama hanya 4.5% setiap tahun.

Sungguhpun pada keseluruhannya jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke negara kita telah meningkat, jumlah ketibaan pelancong ke negeri Sabah dan Sarawak telah mencatatkan kurangan, iaitu dalam tahun 1982 dan 1983.

Kekurangan yang dicatatkan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya ialah 5% bagi tahun 1982 dan 2% bagi tahun 1983. Kejatuhan bilangan pelancong antarabangsa yang direkodkan oleh negeri Sabah dan Sarawak adalah berkait rapat dengan masalah kemelesetan ekonomi dunia yang mempengaruhi pergerakan perjalanan pelancong di seluruh dunia, khususnya para pelancong dari pasaran jarak jauh yang merupakan pelawat utama ke Sabah dan Sarawak.

Sungguhpun Semenanjung Malaysia mengalami keadaan yang serupa tetapi pertambahan hampir 10% pelancong dari Singapura dan 17.5% dari Negeri Thai telah dapat mengimbangi kekurangan jumlah ketibaan pelancong dari jarak jauh.

Kerajaan, melalui TDC dan sebuah firma penyelidikan antarabangsa, telah pun menjalankan satu penyelidikan yang bertajuk "International Survey of Trade and Travellers Attitude Towards Malaysia". Kajian ini baru siap dan bertujuan untuk mendapatkan

pandangan serta pendapat para pelancong dan pengusaha pelancongan mengenai Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan.

Kajian berkenaan telah mengutarakan beberapa aspek negara yang boleh dijadikan sebagai bahan penggalakan di semua pasaran pelancongan yang utama, di samping menghuraikan aspek-aspek negatif yang perlu diatasi sekiranya industri pelancongan di negara ini ingin dimajukan lagi. Cadangan-cadangan berkenaan di antaranya telah pun dinilai dan dipertimbangkan untuk dijadikan sebagai panduan dalam membentuk strategi-strategi penggalakan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji segala aspek industri pelancongan kita dan hasil laporan Jawatankuasa ini akan menjadi panduan bagi merancang pelan industri kita untuk masa yang akan datang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai rakyat Malaysia sendiri tidak begitu sedar dan tidak begitu tahu tentang tempat-tempat tarikan pelancong di negara Malaysia dan adakah pihak TDC mengubah keutamaannya atau prioritynya untuk menjual Malaysia kepada rakyat Malaysia dari menjual Malaysia kepada para pelancong di luar negeri supaya lebih ramai rakyat Malaysia dapat bercuti di negara itu sendiri dan ini akan menolong negara kita untuk mengurangkan masalah deficit invisible ini.

Datuk Oo Gin Sun: Kementerian saya sedar. Barangkali sekarang cadangan hendak menggalakkan pelancong-pelancong di dalam negeri giat dijalankan dalam negeri kita.

JURULATIH BOLASEPAK DARI BRAZIL

19. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membawa jurulatih bolasepak dari Brazil untuk melatih pemain-pemain tanahair kita dalam bidang bolasepak.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak ada rancangan untuk membawa jurulatih bolasepak dari Brazil untuk melatih pemain-pemain tanahair. Walau bagaimanapun Kementerian ini tidak pasti sama ada Persatuan Bolasepak Malaysia bercadang untuk berbuat demikian.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan daripada Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, tidak ada cadangan Kerajaan untuk membawa jurulatih ke negara kita ini dan saya bertanya bagaimana dan cara manakah negara ini boleh mendapatkan jurulatih-jurulatih agar pemain-pemain bola kita terkenal di seluruh dunia?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, jurulatih boleh didapati dari negeri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 15, 16 dan 20 hingga 35 adalah diberi di bawah ini)

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SABAH

2. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan tujuan beliau

melawat Sabah baru-baru ini; sama ada beliau telah menerima sebuah memorandum daripada penduduk-penduduk Tambunan mengenai masalah yang dihadapi mereka dan sama ada lawatan beliau itu adalah semata-mata untuk berkempen bagi Parti Berjaya terutama sekali ucapan yang diucapkannya di Lahad Datu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sabah baru-baru ini ialah untuk meninjau dan menyaksi sendiri rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dilaksanakan di Sabah. Ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada di Lahad Datu atau di tempat-tempat lain adalah perkara biasa yang dilakukan oleh seorang pemimpin negara untuk kebaikan rakyat dan negara.

Mengenai memorandum daripada penduduk-penduduk Tambunan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerimanya dan adalah dalam perhatian Yang Amat Berhormat.

FELDA—PENEROKA MENENTANG KERAJAAN

15. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan; mengikut kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri; terdapat peneroka yang menjalankan usaha menentang Kerajaan. Sejauh manakah bahayanya gerakan ini, adakah ianya merupakan gerakan sabersif atau hanya gerakan politik semata-mata. Kalau ianya merupakan gerakan yang merbahaya, adakah Kerajaan bercadang untuk menyiasat bagi mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab menghasut peneroka yang tersebut dan apakah langkah-langkah adil yang patut diambil oleh Kerajaan supaya peneroka-peneroka yang dihasut tidak teraniaya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Memang ada terdapat peneroka yang menjalankan usaha menentang Kerajaan tetapi jumlah mereka adalah kecil dan terkawal. Penentangan yang dibuat adalah hasil dari pengaruh gerakan politik semata-mata. Sungguhpun begitu pengawasan yang rapi perlu dibuat supaya gerakan menentang ini tidak bertukar menjadi gerakan sabersif yang boleh membahayakan keselamatan negara.

Kerajaan menyedari dan mengetahui ada orang atau golongan tertentu yang cuba menghasut peneroka-peneroka supaya menentang Kerajaan. Mereka ini telah menabur fitnah dan memburuk-burukkan Kerajaan dengan harapan supaya masyarakat peneroka menjadi berpecah belah dan ini memberi kesempatan kepada mereka memancing undi dan membesarkan pengaruh. Perbuatan menghasut dan memecah belahkan masyarakat adalah merupakan tindakan pengecut dan tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Tindakan undang-undang yang sewajarnya dikenakan kepada mereka yang terlibat.

Sebagai langkah untuk mengurangkan gejala ini, penerangan yang lebih luas kepada para peneroka akan di tingkatkan lagi supaya mereka tidak mudah dipengaruhi dan dihasut oleh golongan-golongan tertentu tadi.

PERDAGANGAN PERTUKARAN BARANG

16. Tuan Ban Hon Keong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) senarai negara-negara yang terlibat dalam perdagangan pertukaran barang dengan negara kita; dan

(b) adakah kerajaan akan menggalak perdagangan pertukaran barang ini memandangkan ekonomi negara kita yang kurang baik pada masa ini kerana sekiranya kita mengurangkannya, kita akan dapat lebih menjimatkan pertukaran wang asing (foreign exchange).

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara-negara yang sedang dan akan terlibat dalam perdagangan tukar barang (countertrade) dengan negara kita setakat ini terdiri dari Korea Selatan, Yugoslavia, Poland, German Barat, Perancis, Belgium, Jepun, United Kingdom, Jordan, Amerika Syarikat, Brazil, Rumania dan Filipina.

Kerajaan khasnya Kementerian saya sememangnya akan terus menggalakkan perdagangan secara countertrade ini. Perlu diterangkan di sini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa langkah kerajaan untuk mengadakan urusan perdagangan secara countertrade adalah sebagai tambahan kepada kaedah perdagangan yang sedia ada. Ini adalah berlandaskan kepada keperluan untuk menembusi pasaran negara-negara yang bukan merupakan pasaran tradisional kita, disamping mengukuhkan lagi pasaran yang sedia ada. Ianya bertujuan untuk mewujudkan dagangan secara jangkapanjang dan berterusan serta menjimatkan pertukaran wang asing.

Berlandaskan ini, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan 12/83 pada 5hb Julai, 1983 di mana perolehan-perolehan tertentu kerajaan dikehendaki dimasukkan unsur-unsur countertrade dan dijadikan sebagai satu syarat di dalam dokumen tender bagi perolehan kerajaan yang tertentu. Pihak swasta pula, walaupun tidak tertakluk kepada

Pekeliling Perbendaharaan 12/83, adalah digalakkan mencontohi teladan kerajaan ini untuk mengadakan perdagangan secara countertrade di mana difikirkan sesuai dan memberi faedah.

DASAR PERTANIAN NEGARA— PERLAKSANAAN

20. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan tentang kemajuan Perlaksanaan DPN. Bagaimana penerimaan petani-petani terhadap rancangan-rancangan pertanian niaga, dan apakah rintangan-rintangan utama yang dihadapi.

Dr Goh Cheng Teik: Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Pertanian Negara (DPN) baru sahaja diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada awal tahun lepas. Selepas pegumuman tersebut agensi-agensi telah diarah untuk menyusun strategi dan program-program bagi melaksanakan DPN terutama mengenai pembangunan bagi tiap-tiap komoditi di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian. Strategi-strategi dan program-program yang dirangka ini akan digunakan di dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kelima yang sedang giat disusun sekarang. Walau bagaimanapun Kementerian serta agensi-agensi pelaksana dibawahnya telah pun mula melaksanakan program-program yang tiada memerlukan peruntukan-peruntukan yang baru ataupun yang besar.

Berhubung dengan penerimaan petani-petani terhadap rancangan-rancangan pertanian niaga maklumat-maklumat awal yang ada menunjukkan ianya mendapat sambutan baik daripada petani-petani. Kementerian sentiasa mengawasi rintangan-rintangan yang mungkin timbul dari pelaksanaan strategi ini dan lain-lain

strategi di bawah DPN melalui agensi-agensi pelaksana yang sedia ada.

DADAH—PENGEDARAN DI LUAR NEGERI

21. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditangkap di luar negeri kerana terlibat dengan kegiatan mengedar dadah setakat ini. Apakah jenis hukuman yang dikenakan dan nyatakan negara-negara di mana mereka ini ditangkap. Berapakah pula rakyat asing yang ditangkap di negara kita kerana kegiatan yang sama.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1975 sehingga tahun 1984, terdapat seramai 357 rakyat Malaysia yang ditangkap di luar negeri, kecuali di Singapura, kerana terlibat dengan kegiatan mengedar dadah. Hukuman yang dikenakan kepada mereka adalah berbeza dari negara ke negara. Negara-negara di mana mereka ini ditangkap adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah ditangkap</i>
Australia	15 orang
Austria	12 orang
Amerika	4 orang
Brunei	11 orang
Belgium	30 orang
Holland	85 orang
Kanada	1 orang
Denmark	7 orang
England	35 orang
Findland	2 orang
Hong Kong	11 orang
Itali	11 orang

Jepun	3 orang
Jerman	62 orang
Peranchis	32 orang
Switzerland	10 orang
Sweden	8 orang
Russia	3 orang
Thailand	11 orang
Indonesia	2 orang
Taiwan	2 orang
JUMLAH	357 orang

Sementara itu, dari tahun 1975 sehingga bulan November 1984 seramai 3,200 rakyat Malaysia telah ditangkap di Singapura kerana kesalahan dadah. 9 orang dari mereka ditangkap di atas kesalahan mengedar dadah yang boleh membawa hukuman mati dan mereka ini telah pun menjalani hukuman gantung. Yang lainnya adalah kerana kesalahan-kesalahan menagih dadah.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang selanjutnya, dari tahun 1975 sehingga bulan Disember 1984 terdapat seramai 742 rakyat negara asing yang telah ditangkap di Malaysia di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan daripada jumlah tersebut, seramai 162 telah ditangkap di bawah Seksyen 39B Akta yang sama di mana jika disabitkan dengan kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman mati.

22. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah rombongan dan peserta perdagangan yang telah membuat lawatan ke luar negeri sepanjang tahun 1984/85, negeri mana telah dilawati dan sejauh mana hasil keuntungan pulangan yang tercapai.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menganjurkan sebanyak enam rombongan ke luar negeri dalam tahun 1984. Negeri-negeri yang dilawati ialah Asia Barat (Arab Saudi, Kuwait, Amiriyah Arab Bersatu dan Oman), Australia, Jerman Barat, Sweden, The Netherlands, Iran, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat dan Kanada.

Seramai 75 orang peserta dari 66 syarikat dan 7 agensi Kerajaan telah menyertai di dalam rombongan perdagangan yang tersebut. Hasil yang diperolehi dari jualan sah adalah bernilai \$22.5 juta. Selain dari itu jumlah pesanan berjumlah \$395 juta adalah masih dalam rundingan.

Bagi tahun 1985 sebanyak tujuh rombongan perdagangan telah dicadangkan. Negara-negara yang akan dilawati termasuklah Australia, Europah Timur, EEC, Amerika Syarikat, Amerika Latin, Afrika Utara, Asia Barat dan Republik Rakyat China. Rombongan pertama akan melawat Australia pada akhir bulan April ini.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—CARUMAN

23. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan caruman KWSP setinggi 5%. Apakah syor-syor yang pihak Kementerian dapat memberi kepada para pencarum bahawa kenaikan ini tidak akan membebankan para pencarum. Jika pihak beliau dapati bahawa tidak ada sebab-sebab besar yang menyebabkan kadar bunga KWSP perlu dinaikkan, apakah pula sebab-sebab besar yang menyebabkan peraturan caruman dinaikkan. Jika pelaburan KWSP tidak ditambahkan, maka apakah yang telah dicadangkan untuk mempergunakan jumlah caruman yang telah bertambah.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah mengkaji semula sekim-sekim yang ada sekarang dengan tujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi faedah-faedah kepada pencarum-pencarumnya sebelum dan selepas bersara. Kajian tersebut termasuklah cadangan supaya kadar caruman KWSP dinaikkan. Walau bagaimanapun, setakat ini keputusan belum dibuat ke atas cadangan-cadangan tersebut dan kajian ini masih dalam pertimbangan Kementerian saya.

JAWATANKUASA KE- MENTERIAN MENGURANGKAN PERBELANJAAN

24. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Jabatan Perdana Menteri akan menubuhkan suatu Jawatankuasa yang mana ahli-ahlinya terdiri dari berbagai Kementerian yang tujuan utama Jawatankuasa ini seharusnya mencari jalan untuk mengurangkan segala perbelanjaan Kerajaan yang tidak diperlu serta bagi mencari saluran-saluran dan aspek-aspek aktiviti-aktiviti pihak Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang tidak bermanfaat, berasaskan ini pihak Jabatan Perdana Menteri dapat mengurangkan perbelanjaan seperti:

- (a) mengurangkan pembinaan Lebuhraya-lebuhraya dengan begitu banyak serta dapat mengelakkan kutipan-kutipan tol di merata-rata tempat; dan
- (b) peruntukan yang amat besar kepada agensi-agensi Kerajaan serta badan-badan Kerajaan, yang mana tidak memulangkan hasil yang positif.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Pada masa ini pihak Jabatan Perdana Menteri tidak bercadang menubuhkan

suatu Jawatankuasa lain yang ahli-ahlinya terdiri dari berbagai Kementerian untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan yang tidak perlu serta mengawasi aktiviti-aktiviti dan perbelanjaan pembangunan agensi-agensi Kerajaan. Suatu Jawatankuasa seperti itu tidak perlu ditubuhkan lagi oleh kerana jawatankuasa-jawatankuasa yang sedia ada telah, sedang dan akan terus menjalankan tugas-tugas yang dinyatakan itu. Di antara Jawatankuasa yang sedia ada itu ialah Jawatankuasa Kecil Anggaran Perbelanjaan (JKAP) bagi JPPN yang diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi. Ahli-ahlinya terdiri dari Perbendaharaan (Pengerusi), Jabatan Kerja Raya, Unit Penyelaras Pelaksanaan dan Unit Perancang Ekonomi. Dalam menjalankan tugasnya, Jawatankuasa ini meneliti dengan mendalam projek-projek yang hendak dilaksanakan supaya peruntukan yang diperlukan itu benar-benar memberikan hasil yang positif.

MAS—BRITISH AIRWAYS— TAMBAHAN PENERBANGAN

25. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pengangkutan memberitahu hasil rundingan yang diadakan baru-baru ini antara Sistem Penerbangan Malaysia dan British Airway mengenai tambahan penerbangan dari Kuala Lumpur ke London oleh Sistem Penerbangan Malaysia.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengadakan rundingan sebanyak dua kali dengan British Airways baru-baru ini. Rundingan yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Januari 1985 manakala yang kedua telah berlangsung di London pada bulan Februari 1985. Rundingan tersebut telah diadakan dalam bentuk sebuah Jawatankuasa Bersama yang

terdiri dari pegawai-pegawai kedua-dua buah syarikat penerbangan. Jawatankuasa ini sedang menjalankan kajian perangkaan dari segi aliran dan pertumbuhan trafik udara di antara Malaysia dan United Kingdom. Terdapat buktinya yang menggalakkan menunjukkan bahawa trafik udara di sektor ini kian meningkat. Kajian perangkaan tersebut dapat menentukan kapasiti yang diperlukan untuk memenuhi pertumbuhan tersebut dalam masa akan datang.

Soal penerbangan tambahan di antara Kuala Lumpur dan London yang dipohon oleh MAS masih dipertimbangkan oleh pihak British. Semasa saya melawat London secara tidak rasmi pada bulan Februari tahun ini, saya telah mengambil kesempatan membincang perkara ini secara "Informal" sekali lagi dengan Menteri Pengangkutan British (British Secretary of State for Transport) dan jua pegawai-pegawai kanannya. Mereka memang sedar tentang minat yang berterusan dari kita dalam isu ini. Adalah menjadi harapan kita bahawa pihak British akan memberi pertimbangan yang positif terhadap permintaan-permintaan yang telah kita kemukakan kepada mereka itu.

PINJAMAN PEGAWAI- PEGAWAI KERAJAAN— KADAR FAEDAH

26. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perubahan dengan menaikkan kadar faedah baki pinjaman (Loan Kerajaan) kepada pegawai-pegawainya yang bersara sebelum tamat tempoh perkhidmatannya atas sebab-sebab sendiri yang telah dinaikkan dari kadar 4% kepada kadar faedah bank-bank perniagaan biasa (10% ke atas) itu secara langsung Kerajaan telah mengeneipkan

semangat Islamisasinya yang dilaungkan oleh pihak Kerajaan sendiri.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Pegawai-pegawai Kerajaan telah dikenakan faedah sebanyak 4% di atas pinjaman perumahan yang diberi sejak Skim Pinjaman Kerajaan dimulakan pada tahun 1970. Keputusan Kerajaan untuk menaikkan kadar faedah ini kepada kadar faedah yang lebih tinggi bagi mereka yang telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa mereka yang tidak berkhimat lagi dengan Kerajaan tidaklah sepatutnya dibenarkan menikmati kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat.

Kenaikan kadar faedah ini bukan bermakna Kerajaan mengenyepikan semangat Islamisasinya. Perlu ditekankan bahawa peruntukan bagi pinjaman perumahan dipinjam daripada bank-bank tempatan yang mana faedah dikenakan. Kerajaan memberi subsidi kepada pegawai-pegawainya apabila mengenakan kadar faedah 4%. Apabila kadar ini dinaikkan kepada 10% dan 12% bagi mereka yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, ia cuma mencerminkan faedah yang kena dibayar oleh Kerajaan kepada bank ke atas pinjamannya. Walau bagaimanapun, perlu saya tegaskan bahawa kadar ini adalah lebih rendah dari kadar faedah yang biasanya dikenakan oleh bank ke atas pinjaman perumahan.

LATIHAN DOKTOR TEMPATAN

27. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana Kerajaan akan meningkatkan bilangan doktor yang menerima latihan tempatan, dan menyatakan bilangan mereka yang lulus daripada universiti-universiti tempatan dalam tahun-tahun

1980-81, 82, 83 dan 84. Bagaimanakah darjat ilmu kedoktoran antarabangsa akan dikekalkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi bilangan doktor yang menerima latihan di universiti-universiti tempatan. Usaha-usaha sentiasa dibuat untuk menyediakan bilangan tempat yang lebih banyak di bidang perubatan. Kelas-kelas matrikulasi/asasi sains diadakan untuk membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar yang layak dan berminat untuk diserapkan ke Fakulti Perubatan universiti-universiti tempatan.

Kementerian Pelajaran sentiasa memastikan supaya taraf ilmu kedoktoran antarabangsa dapat dikekalkan di universiti-universiti tempatan. Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk memastikan darjat ini adalah seperti berikut:

- (a) Bagi semua peperiksaan ikhtisas yang dijalankan di universiti-universiti tempatan pemeriksa-pemeriksa luar negeri dan dalam negeri akan diundang untuk meneliti kurikulum dan memastikan pencapaian yang dicapai oleh pelajar-pelajar adalah setaraf dengan darjat ilmu kedoktoran antarabangsa. Paar-pakar daripada Amerika, England, Sweden, Jepun dan Thailand ada dijemput untuk menentukan mutu pencapaian pelajar kita setanding dengan darjat ilmu kedoktoran antarabangsa.
- (b) Mengkaji kurikulum kursus perubatan seperti yang dilakukan oleh Universiti Malaysia supaya langkah dapat diambil bagi memenuhi

keperluan-keperluan pengiktirafan badan-badan antarabangsa seperti General Medical Council of Britain (GMC).

Bilangan doktor yang lulus daripada Universiti Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Universiti</i>	<i>1980</i>	<i>1981</i>	<i>1982</i>	<i>1983</i>	<i>1984</i>
Universiti Malaya ..	101	134	110	99	117
Universiti Kebangsaan Malaysia	37	55	104	103	136
JUMLAH ..	138	189	214	202	253

KEMATIAN YANG DISYAKI— KORONER

28. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah kerajaan akan menjalankan penyiasatan Koroner atas kematian seorang yang disyaki (Police suspect) yang terjatuh dari Tingkat 17 Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur pada 26hb Januari, 1985 yang mana di bawah Kanun Acara Jenayah ia adalah diadakan secara mandat (Mandatory).

11-4-85

Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam kes kematian M. Katigesu dan Musa Chung Abdullah pada 5hb Januari, 1985 dan 26hb Februari, 1985 masing-masing di Ibu Pejabat Polis Bandaraya Kuala Lumpur; dan apakah tindakan yang diambil untuk memasang jeriji-jeriji tingkap di Ibu Pejabat Polis Bandaraya Kuala Lumpur untuk memastikan kejadian-kejadian seumpama itu tidak berulang lagi.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan yang seakan sama daripada Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit bertarikh 11hb April, 1985.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan terhadap kes M.

Katigesu telah selesai dan "Inquest" terhadap kes tersebut sedang dijalankan oleh Mahkamah Rendah Jalan Duta. Sementara siasatan terhadap kes Musa Chung hampir selesai dan kertas siasatan akan dikemukakan ke Pejabat Peguam Negara untuk mendapat nasihat.

Pemasangan jeriji-jeriji di Ibu Pejabat Polis Bandaraya akan dilaksanakan tidak lama lagi. Bagi mengelakkan agar peristiwa seperti ini tidak berlaku lagi, semua soal siasat terhadap orang-orang yang disyaki (police suspects) telah dijalankan di tingkat bawah.

ALAT PERAKAM WAKTU— PERBELANJAAN

29. Tuan Ng Cheng Kuai meminta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah belanja kerajaan dalam membeli alat-alat perakam waktu bagi semua pejabat kerajaan;
- (b) memandangkan hampir semua kakitangan kerajaan mematuhi peraturan perakam waktu dengan sepenuhnya, apakah beliau sedar terdapat sebahagian kakitangan yang tekun dan selalu bekerja

sehingga waktu senja secara sukarela seperti yang tercatat dalam rekod perakam waktu;

- (c) adakah kerajaan menyimpan senarai khas mengenai kakitangan golongan ini; dan
- (d) apakah galakan kerajaan kepada mereka.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:

- (a) Jumlah perbelanjaan membeli alat-alat perakam waktu termasuk perbelanjaan membaiki mesin ialah \$5,474,667.00.
- (b) Kerajaan adalah sedar terdapat kakitangan kerajaan yang tekun bekerja sehingga melebihi waktu yang ditetapkan.
- (c) dan (d) Perkara itu adalah dijadikan catatan dan rujukan Ketua-ketua Jabatan yang boleh digunakan untuk membuat perakuan-perakuan seperti laporan kenaikan pangkat dan cadangan pengurniaan pingat dan bintang dan hadiah perkhidmatan cemerlang.

BANK ISLAM—KEJAYAAN

30. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan Bank Islam Malaysia Berhad dalam menjalankan fungsinya sebagai sebuah bank perdagangan dalam negara kita dan sejauh mana pula kejayaan bank tersebut di dalam mendapat kepercayaan Umat Islam Malaysia apabila kadar keuntungan yang diberi adalah jauh lebih rendah daripada bank-bank perdagangan yang lain. Dan begitu jugalah dengan kadar pertukaran wang asing yang dilakukan oleh BIMB dengan kadar yang amat rendah jika dibandingkan dengan pasaran terbuka dan bank-bank

perdagangan yang lain walaupun demi untuk Islam.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Seperti Yang Berhormat sedia maklum, matlamat utama penubuhan Bank Islam adalah untuk menjalankan fungsi-fungsi bank perdagangan Islam dengan berlandaskan hukum-hukum Syarak, menyediakan kemudahan dan khidmat bank kepada masyarakat Islam dan seluruh rakyat dinegara ini disamping mencapai keteguhan dan keupayaan untuk berkembang maju dari masa kesemasa.

Berdasarkan matlamat tersebut dan dengan mengambilkira tempoh operasinya kira-kira satu setengah tahun, kejayaan yang dicapai oleh Bank Islam setakat ini adalah memuaskan dan Bank ini telah mendapat kepercayaan umat Islam. Bilangan penyimpan dengan Bank ini berjumlah 56,043 orang dengan jumlah simpanan sebanyak \$274.9 juta seperti pada 31hb Disember, 1984.

Mengenai kadar keuntungan yang dibayar kepada penyimpan-penyimpan Bank Islam, pembayaran adalah berasaskan kepada konsep Al-Mudharabah (perkongsian untung) dengan bergantung kepada jumlah keuntungan dari pembiayaan dan pinjaman bank. Diperingkat permulaan operasinya, kadar keuntungan yang dibayar adalah pada kadar sederhana. Walau bagaimanapun, Bank Islam telah dapat memperbaiki kedudukannya dan meningkatkan kadar pembayaran ke atas akaun simpanan dan akaun pelaburan. Contohnya pada bulan Mac 1985, kadar pembayaran bagi akaun simpanan adalah 5.3% berbanding dengan 4.96% pada bulan Jun 1984.

Mengenai perniagaan tukaran wang asing, Bank Islam seperti lain-lain bank yang baru dan kecil, menghadapi kesulitan untuk memperoleh kadar

yang murah bagi semua jenis wang asing pada setiap masa. Ini adalah disebabkan Bank Islam belum mempunyai hubungan perniagaan luar negeri dan "Customer base" yang meluas yang menjual tukaran asing terus kepadanya. Walau bagaimanapun, Bank Islam dijangka akan mengatasi kesulitan ini dan akan dapat mengukuhkan kedudukannya di masa hadapan dan bersaing dengan bank-bank yang lain dari segi harga tukaran asing.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—PELABURAN

31. Tuan Haji Hasan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan di manakah tempat atau Syarikat yang dilabur oleh LUTH semenjak ditubuhkan dan berapakah jumlah pelaburannya sehingga sekarang ini dan kenapakah LUTH tidak dapat menerima sumbangan pelaburan dari badan-badan berkanun seperti Jabatan Ugama atau Majlis-majlis Ugama Islam Negeri-negeri.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Semenjak ditubuhkan Tabung Haji telah melabur dalam bidang-bidang pelaburan seperti berikut:

- (i) melalui saham equiti dalam syarikat-syarikat perusahaan/perladangan/perumahan dan sebagainya yang halal dari segi Ugama Islam. Syarikat-syarikat ini semuanya ditubuhkan di Malaysia.
- (ii) melalui pembelian tanah dan bangunan di bandar-bandar di seluruh Malaysia untuk kegunaan Tabung Haji sendiri dan juga penyewaan.
- (iii) melalui Anak Syarikatnya, Perbadanan Ladang-ladang Tabung Haji Sdn Bhd, dengan membuka Ladang Kelapa Sawit dan juga Koko.

(iv) melalui Anak Syarikatnya, Syarikat Pembinaan dan Perumahan Tabung Haji Sdn Bhd, dengan membuat rumah dan kedai untuk dijual terutama kepada ahli-ahlinya.

Jumlah pelaburannya sehingga 31hb Januari, 1985 mengikut harga buku, iaitu jumlah harga yang dibeli adalah \$429.6 juta terbahagi kepada:

(i) Saham equiti	\$219.3 juta
(ii) Tanah dan Bangunan	158.2 juta
(iii) Anak-anak Syarikat	52.1 juta
JUMLAH	<hr/> \$429.6 juta <hr/>

Tabung Haji tidak dapat menerima sumbangan pelaburan daripada Badan-badan Berkanun seperti Jabatan Agama atau Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-Negeri oleh kerana mengikut Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 hanya orang-orang perseorangan yang menjadi warganegara Malaysia boleh menyimpan untuk menunaikan Fardhu Haji dan pelaburan dalam Tabung Haji. Ini bermakna Badan-badan Berkanun atau Syarikat-syarikat tidak dibenarkan menyimpan dan melabur di Tabung Haji di bawah Undang-undang tersebut.

KAPAL SELAM RUSSIA DI SELAT MELAKA

32. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah kejadian pencerobohan kawasan perairan negara kita oleh kapal-kapal perang dan kapal-kapal selam asing yang telah dilaporkan pada tahun 1980, 1981, 1982, 1983 dan 1984. Adakah benar bahawa sebuah kapal selam nuklear Russia baru-baru ini melalui Selat Melaka tanpa kebenaran pihak kita; apakah langkah-langkah konkrit

yang telah diambil oleh kerajaan supaya menjamin bahawa kejadian-kejadian seumpama ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sebenarnya, semenjak tahun 1980 sehingga 1984 tidak pernah berlaku sebarang pencerobohan oleh kapal-kapal perang dan kapal selam negara asing ke dalam perairan negara kita. Apa yang pernah berlaku ialah kapal-kapal yang dilihat berada di berhampiran dengan perairan kita ialah kapal-kapal yang menggunakan laluan di Selat Melaka yang tidak dihadkan kepada mana-mana kapal yang membuat pelayaran aman "innocent passage"

Memang benar baru-baru ini sebuah kapal selam Soviet Russia Jenis Charlie Guided Missile Nuclear (SSGN) telah dikesan ketika kapal tersebut membuat laluan aman menerusi Selat Melaka ke Lautan Hindi.

Walau bagaimanapun, pihak angkatan tentera kita sentiasa mengawasi segala pergerakan kapal-kapal asing di kawasan Selat Melaka dan Laut China Selatan untuk memastikan setiap inci perairan kita tidak dicerobohi musuh.

PETRONAS—WANG SIMPANAN

33. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan agensi-agensi Kerajaan yang telah dibantu agar tidak jatuh kerana masalah kewangan yang menggunakan wang simpanan PETRONAS sebanyak \$9 billion yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan perindustrian minyak sahaja.

Tuan Daim Zainuddin: PETRONAS setakat ini tidak pernah diarah untuk membantu mana-mana agensi Kerajaan dengan menggunakan wang

simpanan PETRONAS untuk mengembalikan keutuhan mana-mana agensi Kerajaan yang menghadapi masalah kewangan. Di dalam hal pengambilan-alih Bank Bumiputra Malaysia Berhad, wang PETRONAS telah digunakan semata-mata mengikut kebijaksanaan Lembaga Pengarah PETRONAS yang mana seterusnya dipersetujui pula oleh pihak Kerajaan sebagai pemegang saham PETRONAS apabila perkara tersebut dikemukakan di Mesyuarat Agung Luarbiasa.

KAMPUCHEA—KEGANASAN VIETNAM

34. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada keganasan tentera Kerajaan Vietnam terhadap Kampuchea dan sempadan Thailand merupakan suatu ancaman kepada keselamatan negara-negara lain di rantau ini dan apakah sikap dan tindakan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap keganasan yang berlaku serta setakat manakah ketegasan Bangsa-bangsa Bersatu dalam hal ini; apakah pula suara pihak OIC berkaitan dengan keganasan Vietnam ini dan apakah pandangan Malaysia dalam perkara ini; adakah negara Malaysia merupakan sebuah negara yang dihormati oleh Vietnam dan setakat ini bagaimanakah hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Vietnam.

[Sila lihat Jawapan No. 3 26-3-85]

LIMAU MANDARIN—PERMIT IMPORT

35. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) berapa banyak pengimport Malaysia yang telah memohon Permit Import bagi mengimport

buah limau mandarin ke Malaysia baru-baru ini untuk Tahun Baru Cina dan berapa banyak permit yang dikeluarkan dan kepada siapa;

- (b) kenapa ramai pengimport tradisional limau mandarin tidak diberitahu lebih awal mengenai dasar perdagangan terus dengan Negeri China, menyebabkan berlakunya suatu keadaan kelam kabut, apabila Kerajaan mengumumkan yang ia tidak akan menimbang permohonan-permohonan dari pengimport-pengimport yang mengimport melalui negara ketiga seperti Singapura; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa tindakannya telah menyebabkan kebimbangan kepada orang ramai, jika ya, bolehkah beliau menjelaskannya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 26-3-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada 27-3-85. Saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan-jawapan yang telah saya beri.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam.” (28hb Mac, 1985).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai, sila sambung.

4.05 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, pada petang semalam saya telah menyentuh tentang usaha-usaha Kerajaan ke arah mengemas dan mempertingkatkan kecekapan dan prestasi dari segi pentadbiran dan juga di dalam bidang-bidang pelaksanaan kepada meningkatkan kemakmuran dan keadilan di kalangan rakyat.

Sungguhpun Kerajaan telah membuat berbagai-bagai strategi dan perancangan dan sungguhpun Kerajaan sendiri telah melaksanakan penubuhan berbagai-bagai agensi tetapi kita masih kedapatan terdapatnya kelemahan-kelemahan di dalam usaha-usaha pencapaian matlamat sepertimana yang dikehendaki. Dan ini termasuklah di mana baru-baru ini satu lagi agensi Kerajaan telah disarankan oleh pihak-pihak yang melihatnya supaya agensi ini ditutup kerana kononnya tidak banyak memberi kesan dan makna kepada matlamat dan pencapaian dan agensi yang dimaksud ialah Lembaga MAJUIKAN.

Saya tidak berhasrat untuk menyatakan perlu atau tidaknya agensi ini ditutup tetapi untuk membawa

perkaitannya di sini ialah tentang bagaimanakah pandangan dan nilai-nilai pihak yang melihatnya ataupun pihak yang memastikan kekesanannya sama ada matlamat pelaksanaan dan matlamat penubuhan agensi-agensi yang berkenaan membawa kesan dan manfaat yang sepenuhnya. Mungkin di segi matlamat dan strategi asalnya ia mempunyai kebaikan dan berharapan untuk dapat kita membawa berbagai-bagai kejayaan seperti yang dikehendaki. Walau bagaimanapun di dalam pelaksanaannya mungkin terdapat kelemahan dan tidak kecekapan kepada mencapai kehendak-kehendaknya. Oleh yang demikian saya rasa perlulah Kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas di peringkat Kabinet untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan di atas keberkesanan atau sebaliknya, akan semua peranan-peranan dan pelaksanaan-peraksanaan oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan sendiri untuk dapat Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya sama ada bagi memperbaiki ataupun menyempurnakan ke arah mencapai matlamat dan tujuan yang dikehendaki.

Sungguhpun pada hari ini kita percaya bahawa Kerajaan dan Kabinet mempunyai bidangkuasa-bidangkuasa untuk mengawal, tetapi oleh kerana banyaknya perancangan dan banyaknya strategi-strategi kadangkala-kadangkala perancangan dan strategi yang dirancang ataupun yang dilaksanakan itu terlampau banyak dan tidak dapat dikawal. Dan inilah saya rasa dan saya berkeyakinan di mana terdapatnya berbagai-bagai kelemahan ataupun terdapatnya keadaan-keadaan yang telah tidak membawa keupasan di dalam pelaksanaan dan keberkesanan pencapaian matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berbangga dan berterima kasih di mana

pihak Kerajaan pada hari ini telah mengumumkan sikapnya yang sederhana di dalam sebarang tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan baik di dalam bidang-bidang ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan sebagainya. Saya rasa inilah satu-satunya sikap yang perlu diambil bukan sahaja oleh pihak Kerajaan untuk membawa kestabilan dan kesempurnaan kepada negara kita sendiri tetapi juga kepada semua pihak yang perlu mengambil perhatian dan tanggungjawab agar tindakan masing-masing tidaklah menjadi melampau ataupun keterlaluan. Biasanya tindakan-tindakan yang melampau atau keterlaluan akan menghadapi masalah dan masalah ini akan menjadi suatu yang kita tidak ingini terutama sekali apabila berlakunya keadaan-keadaan sehingga boleh mencetuskan kehancuran kepada negara kita sendiri.

Pada petang semalam, Wakil dari Pengkalan Ceka, maaf, Tuan Yang di-Pertua, telah menyatakan bahawa di dalam kempen pilihanraya di Padang Terap baru-baru ini telah mencetuskan satu peristiwa yang amat mendukacitakan. Dan di sini beliau juga telah membangkitkan tentang tuduhan-tuduhan pihak Kerajaan terhadap pihak-pihak yang dikatakan sebagai pelampau.

Suka saya menjelaskan di sini kerana saya datang daripada Kedah dan pilihanraya kecil yang diadakan baru-baru ini adalah satu kawasan di Kedah dan kebetulan juga saya berada di kawasan pilihanraya ini pada ketika dan masa pilihanraya berjalan. Saya rasa apa yang disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong tentang sikap melampau ataupun keterlaluan oleh kalangan-kalangan politik ini adalah sewajarnya mendapat perhatian. Kerana apa yang berlaku bukan sahaja wakil daripada Pengkalan Chepa itu sendiri yang seharusnya merasai terkilan ataupun

merasai dukacita malahan semua rakyat negara ini merasai terkilan dan dukacita kerana peristiwa yang belum pernah berlaku telah mencatat sejarah hitam dalam arena politik negara.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan kerana kita tidak ingin dikaburi mata oleh kenyataan-kenyataan pihak-pihak yang tertentu. Kejadian yang terjadi ialah di Lubuk Merbau iaitu satu kawasan pusat mengundi dalam pilihanraya Padang Terap. Keadaan yang sebenarnya di kawasan Lubuk Merbau ini ialah lebih daripada 3,000 pengundi dan di antaranya hanya ada 4 keluarga sahaja yang menyokong Parti PAS itu. Tetapi pada ketika pilihanraya diadakan begitu ramai sekali orang-orang luar yang telah diimport masuk ke sana dan inilah di antara perkara-perkara yang telah berlakunya peristiwa-peristiwa yang sedemikian, dan yang amat menyedihkan serta perlu disedari oleh pihak-pihak yang selalu membangkitkan bahawa mereka tidak seharusnya dikatakan sebagai melampau ialah bagaimanakah satu pasukan terdiri daripada kira-kira 300 orang yang dinamakan Pemuda Jihat yang diarahkan bahawa darah mereka jika tumpah adalah mati syahid. Inilah asas peristiwa mengapa kejadian-kejadian yang seumpama itu boleh berlaku yang mengecewakan kita. Tiba-tiba dalam Dewan yang mulia ini telah diputar belitkan kononnya peristiwa yang berlaku itu disebabkan oleh kalangan-kalangan pihak Kerajaan ataupun Parti Kerajaan yang memulakan keadaan sebagai satu penindasan dan mencabar apa yang dikatakan keterlaluan dan melampau.

Bagi kita senang sahaja membuat penilaian, Allahyarham yang meninggal di dalam kejadian itu tinggalnya di Bukit Raya di dalam Daerah Kota Setar, dan kejadian yang berlaku ialah di kawasan Lubuk Merbau di dalam Daerah Padang

Terap. Tidak mungkin seseorang akan berlaku peristiwa kalau seorang tidak berada di tempat orang lain dan mengapa pergi di tempat orang lain, mesti ada mempunyai tujuan dan matlamat.

Jadi, saya berharap di masa-masa yang akan datang saranan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya semua pihak bersikap sederhana dan tidak keterlaluan dan melampau adalah seruan yang amat penting diberi perhatian oleh semua pihak. Kita jangan hanya melihat kesalahan di pihak yang lain sedangkan tindakan dan petua-petua yang dilakukan oleh kita sendiri telah membawa peristiwa yang tidak sewajarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1985 yang dijangka berkurangan pada kadar 6% berbanding tahun 1984, yang mencapai lebih daripada 7% adalah sesuatu yang memang diduga dan inilah seharusnya menjadi perhatian kepada semua pihak khususnya kepada Kerajaan sendiri supaya terus memberi perhatian yang langsung terhadap peranan dan tindakan strategi pembangunan di negara kita ini agar ianya dapat terus membawa peningkatan dan memberi kestabilan sebagaimana yang diharapkan. Walaupun kita masih kedapatan berbanding dengan negara-negara lain hanya pertumbuhan dijangka sekadar 3.4% berertilah bahawa kita masih lagi di tahap yang agak baik tetapi kita tidak boleh merasai bahawa keadaan ini sudah mencukupi.

Negeri Kedah di antara negeri yang kurang maju di dalam negara kita ini juga turut berkembang di segi KDNKnya (Keluaran Dalam Negara Kasar) bagi negeri ini dan pertambahan ini menunjukkan bahawa perancangan dan strategi Kerajaan kepada negeri-negeri yang miskin di

dalam Malaysia ini nampaknya membawa beberapa kesan kepada pertumbuhan ekonomi ini. Misalnya di Kedah ini telah pun dapat ditingkatkan sebanyak 7.6% berbanding pada tahun 1980 dahulu hanya 6.4% sahaja. Pertumbuhan ini menunjukkan bahawa pertumbuhan kepada pertambahan ekonomi tahunan adalah berdasarkan kepada kecekapan usaha-usaha pembangunan ekonomi ataupun usaha-usaha kepada memajukan lagi sektor-sektor yang boleh ditingkatkan bidang-bidang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara seluruhnya.

Cuma yang menjadi masalahnya ialah jika kita lihat walaupun pertumbuhan berdasarkan kepada per capita ini bertambah, walaupun pertumbuhan kepada pertambahan ekonomi ini membawa kebaikan dan memberi peluang-peluang pertambahan kepada rakyat juga tetapi kita masih lagi menghadapi tentang pertumpuan kepada pengagihan ekonomi golongan berada dan tidak berada ini masih lagi tidak dapat diperdekatkan ataupun tidak dapat dirapatkan tentang jurang golongan berada dan tidak berada.

Dengan ini saya berharap bahawa usaha-usaha haruslah dipertingkatkan oleh semua agensi dan oleh pihak Kerajaan sendiri ke arah memberi pertumpuan kepada peningkatan pengagihan ekonomi itu sendiri, kerana pertambahan pertumbuhan ekonomi bagi negara sahaja tidak bererti membawa pertumbuhan ataupun memberi keadilan pengagihan ekonomi kepada golongan berada dan golongan tidak berada. Dan ini mungkin juga dapat kita katakan bahawa di dalam negara kita sendiri per capita pertumbuhannya telah meningkat tetapi kita masih dapati bahawa kalangan taraf kemiskinan ataupun di bawah taraf kemiskinan masih lagi berkembang ataupun masih lagi bertambah daripada peratus

dahulu berbanding dengan tahun-tahun ini dan akan datang.

Sungguhpun kedudukan ini tidaklah sebenarnya membuktikan sebagai kemiskinan mutlak dan ia hanya merupakan kemiskinan perbandingan tetapi tidak boleh kita mengecil-kecilkan bahawa apabila pertumbuhan ekonomi negara dan tingkat per kapita negara sendiri telah memberikan taraf kehidupan juga tinggi dan dengan itu apabila pertumbuhan kepada pengagihan ekonomi tidak dapat sejajar memberi keadilan yang maksima berertilah kalangan-kalangan yang miskin ini terus berada di tahap yang miskin walaupun pertambahannya kita tidak nafikan bahawa yang miskin juga bertambah tetapi di segi persaingan di dalam kehidupannya tidak dapat mencapai kehendak Kerajaan itu sendiri.

Selain daripada itu dapat juga saya tunjukkan sebagai contoh dan buktinya di sini oleh kerana saya mempunyai angka-angka dan data mengenai negeri Kedah yang lebih dekat, suka saya memberi contoh ini mengenai Kedah sahaja dahulu. Di Kedah, walaupun kita katakan bahawa pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1984 meningkat kepada 7.6%. Ini berdasarkan kepada taklimat yang diberikan kepada Perdana Menteri yang melawat Kedah pada hari ini.

Pertumbuhan 7.6% ini dapat kita berikan kepada dua kumpulan: satu kawasan yang agak maju dan satu kawasan yang tertinggal. Bagi kawasan yang termaju kita dapati pertambahan pendapatannya juga meningkat. Pada tahun 1980 bagi kawasan yang agak maju ataupun termaju, pendapatan bulanan bagi kumpulan masyarakat sebanyak \$343 tetapi bagi kawasan yang kurang maju masih lagi \$206. Ini sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita kedapatan daerah-daerah pendalaman, daerah-daerah yang

ketinggalan selama ini dan bukan itu sahaja, di segi infrastrukturnya pun masih lagi ketinggalan. Misalnya di kawasan yang agak maju pada tahun 1980 perbekalan elektrik dapat dibekalkan sehingga 92% tetapi di kawasan ketinggalan ataupun kurang maju masih lagi kadarnya 12%. Begitu juga di segi doktor untuk rakyat, di kawasan yang agak maju hanya tinggal 5,261 orang sahaja bagi tiap-tiap seorang doktor, tetapi bagi kawasan yang kurang maju ataupun masih lagi ketinggalan 15,483 orang bagi seorang doktor. Ini berdasarkan kepada purata yang ada di dalam perkembangan pembangunan dan kemajuan semasa.

Angka ini saya berikan sebagai contoh di mana perlunya Kerajaan memberi pengimbangan kepada pertumbuhan pengagihan yang saya maksudkan tadi, bukan sahaja di bidang ekonomi, tetapi juga di bidang pembangunan dan infrastruktur. Dan dengan itulah seperti yang saya katakan tadi walaupun Kerajaan mempunyai strateginya yang tertentu, Kerajaan mempunyai agensinya dan Kerajaan mempunyai kepakaran dan pegawai-pegawai pengurusannya tetapi kita dapati perlu diberi perhatian dan kajian di mana di dalam bidang pengimbangan dan keadilan ini masih berterusan tidak dapat diberi keadilan yang sewajarnya.

Bagi saya sekiranya keadaan ini berterusan, berertilah untuk jangka panjang negara kita ini, kita akan berterusan terdapatnya golongan-golongan yang akan ketinggalan, kawasan-kawasan yang ketinggalan dan rakyat yang akan ketinggalan daripada apa yang dapat dinikmati oleh rakyat negara ini walaupun kita katakan per kapitanya lebih daripada \$4,000 pada keseluruhannya berbanding dengan rakyat jelata di kawasan yang tertinggal masih lagi di bawah paras kemiskinan yang tidak sepatutnya berterusan walaupun kita telah merdeka 29 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang menarik perhatian saya dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah tentang kesungguhan Kerajaan untuk mempertingkatkan dan menerapkan nilai-nilai Islam sejajar dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Walaupun di dalam saranan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah membangkitkan ada kalangan yang merasai kurang senang dan ada kalangan yang telah memutar-belit ataupun telah terkeliru dengan hasrat sebenarnya Kerajaan dalam usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam ini tetapi pada saya, saya berharap bahawa memperkata tanpa amal adalah merupakan sebagai tin kosong yang tidak berisi dan mungkin hanya ianya bisung tetapi tidak mempunyai nilai dan makna.

Dari itu saya rasa adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, bukan sahaja Kerajaan, bukan sahaja agensi-agensi yang bertanggungjawab tetapi seluruh rakyat jelata negeri ini terutama sekali kepada parti-parti politik yang mengagungkan tentang nilai-nilai Islam itu sendiri untuk mencontohi dan meneladaninya supaya benar-benar yang dikehendaki itu dapat diamalkan sebagai kebudayaan dan nilai tata cara hidup yang sebenarnya. Misalnya masalah perpaduan adalah nilai-nilai Islam, masalah hubungan silaturrahim adalah nilai-nilai Islam dan demikian juga tentang kesungguhan bekerja adalah merupakan nilai-nilai Islam dan jika hendak diperkatakan adalah banyak lagi dan tidak mungkin kita hendak sebutkan satu persatu di sini.

Sungguhpun kebanyakan orang dapat mengenali dan memahaminya tetapi kita merasa hairan dan amat pelik sekali apabila hanya ada orang pandai berkata-kata tentang nilai, tetapi tidak dapat melaksanakannya. Wujudnya pecah-belah di dalam Islam

sendiri adalah hasil daripada orang-orang yang menyatakan tentang nilai-nilai Islam itu sendiri. Wujudnya masalah-masalah yang ditimbulkan sekarang ini mengenai Islam adalah dibuat oleh orang-orang Islam itu sendiri. Dan inilah suatu yang amat memalukan dan yang sebenarnya banyak lagi perkara-perkara yang boleh kita jadikan contoh dan teladan di mana rasa tanggungjawab kita sebagai orang-orang yang beriman perlu menyempurnakannya untuk ke arah menjamin serta menjauhi kehancuran dan kesan-kesan yang boleh membawa porak-peranda terhadap negara kita sendiri.

Berikutan daripada saranan Duli Yang Maha Mulia ini, suka saya membangkitkan di sini satu perkara besar yang menjadi tanggungjawab kita sekarang ini terutama dalam ertikata nilai-nilai Islam itu sendiri. Dalam agama kita Islam sendiri telah memberi perhatian bahawa perkara-perkara yang menjadi kemungkaran ataupun perkara-perkara yang membawa kebinasaan dan kehancuran adalah merupakan tanggungjawab setiap orang-orang Muslim dan sekarang ini kita hadapi keadaan di negara kita ini dalam iklim yang menakutkan. Di antaranya ialah bagaimanakah kita sedang menghadapi masalah dadah yang berterusan yang tidak dapat kita hapus walaupun berbagai-bagai penguatkuasaan telah dilaksanakan.

Kesempatan tentang nilai-nilai Islam ini, suka saya menyarankan bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk memerangi di antara perkara-perkara yang menjadi kemungkaran dan punca kebinasaan di mana di antaranya ialah tentang menyalahgunakan dadah ataupun mengedar dadah itu sendiri. Dengan ini berertilah kita memerangi untuk menghapuskan bencana dan mudarat kepada negara kita berpunca daripada dadah ini adalah merupakan sebagai

tanggungjawab setiap individu dan pada petang semalam juga wakil dari Kepong telah menyentuh bahawa kebimbangan beliau terhadap apa yang dikatakan tentang nilai-nilai Islam yang hendak diterapkan kerana mungkin nilai agama-agama lain tidak diambil sama sebagai perhatian. Saya percaya mungkin bagi agama-agama lain juga adalah sama dengan nilai-nilai baik Islam ini sendiri. Di dalam usaha-usaha untuk menghapuskan bencana dan juga usaha-usaha untuk menghapuskan kehancuran berpunca daripada dadah dan dengan ini saya percaya wakil dari Kepong tidak perlu merasa bimbang dan takut kerana segala yang menjadi seranan kepada penerapan nilai-nilai Islam ini adalah semata-mata untuk kebaikan. Kebaikan ini bukan sahaja untuk kebaikan kepada umat Islam tetapi kebaikan untuk negara, kebaikan untuk masyarakat dan kebaikan untuk semua pihak asalkan semua pihak memahaminya dan asalkan semua pihak dapat bertanggungjawab kepada menghadapi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pembangunan dan kemajuan seperti yang saya sentuhkan sedikit tadi bahawa masih lagi kedapatan kawasan-kawasan yang masih ketinggalan dan kita juga masih lagi kedapatan ramai kalangan-kalangan di bawah taraf kemiskinan, dan perkara ini telah diambil perhatian oleh Kerajaan terutama sekali di dalam sektor pertanian, pekebun-pekebun kecil dan juga nelayan dengan menerusi berbagai-bagai strategi dan juga dengan menerusi berbagai-bagai perancangan yang diberi keutamaan dan terutamanya ialah menerusi Dasar Pertanian Negara.

Saya masih lagi merasai kabur di dalam apa yang dikatakan Dasar Pertanian Negara itu sendiri. Walaupun Dasar Pertanian Negara ini telah pun dibentangkan oleh Kerajaan, tetapi sehingga pada masa ini seperti

yang saya katakan tadi, agensi-agensinya, jabatan-jabatan, pihak-pihak pelaksanaan dan sebagainya tidak dapat mengamalkan sepenuhnya kehendak komunikasi yang telah disarankan oleh Kerajaan sendiri atau komunikasi yang pernah saya sendiri menyebutkan di Dewan ini berkali-kali. Untuk mencapai kejayaan dan kemajuan bagi sesebuah negara ia melalui tiga peringkat. Peringkat yang membuat dasar dan polisi iaitu Kerajaan dan pihak kepakaran, pihak pelaksanaan; agensi-agensinya, jabatan-jabatan dan juga pegawai-pegawai yang ditugaskan dan yang ketiganya ialah peringkat atau pihak sasaran atau pihak kekesanan yang dikehendaki. Di sinilah saya nampak masih lagi kekebauran, di mana perancangan dan polisi yang dibuat kadang-kadang kala membawa penekanan dan mungkin juga penting ianya benar dan betul untuk faedah dan kebaikan tetapi di dalam peringkat pelaksanaan membeban dan membosankan dan di peringkat penerimaan menjadi kabur dan tidak dapat dikenal pasti.

Saya kerap kali menyarankan supaya komunikasi-komunikasi wujud, sebenar-sebenarnya wujud di antara pihak yang membuat dasar, pihak pelaksanaan dan pihak sasarannya; agar ianya benar-benar wujud sebagai pandangan dua hala. Dasar difahami kepada pelaksanaan dan difahami juga kepada penerimaan supaya dapat disempurnakan dan begitu juga pandangan, kehendak di bawah iaitu di peringkat sasaran mesti difahami oleh pihak pelaksanaan dan pihak yang membuat dasar.

Saya sendiri pernah bertegang atau berdepan dengan pihak pakar-pakar dan inilah yang menjadi kadang-kadang kala berterusan keadaannya tidak dapat mencapai kejayaan. Saya bagi contoh, misalnya baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri ada menjemput pakar-pakar luar datang ke sini untuk membuat penilaian tentang kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat bermula dari 1981-1985. Saya bagi contoh, ada dua pihak yang telah memberi komen. Satu pihak daripada Jepun mengatakan bahawa usaha Kerajaan untuk melibatkan diri dalam usaha-usaha industri berat terutama kepada industri otomobil iaitu kilang membuat kereta sendiri di Malaysia ini adalah merupakan perancangan yang tidak praktikal dan perancangan yang tidak menguntungkan Malaysia. Kerana katanya, Kerajaan tidak dapat melebihi importannya tetapi lebih banyak mengimport daripada dieksport. Ini pandangan seorang pakar daripada Jepun dan ia memberi kenyataan lagi bahawa Jepun sendiri yang membuat kereta memandangkan bahawa barangan-barangan yang diperlukan untuk industri membuat kereta berada di dalam Jepun sendiri sedangkan Malaysia terpaksa mengimport daripada luar dan pada pandangannya pula mengapakah Malaysia sendiri tidak memikirkan tentang mengeksploitkan pengeluaran di Malaysia sendiri untuk mempertingkatkan daya pengeluaran ataupun barang-barang penggunaannya sendiri. Ini sebagai satu pandangan. Tetapi mungkin pada kita, kita tidak boleh memikirkan tentang ekonomi klasik, kalau kita hendak memikirkan tentang ekonomi klasik ataupun konvensional, bererti kita tinggallah dengan teori itu 20 atau 30 tahun dahulu. Sedangkan kedudukan ekonomi sekarang ini kita perlu memperdekatkan kepada pendekatan ekonomi politik (political economy) di mana kita dapat mengcreatkan keperluan dan kehendak-kehendak kita itu sendiri. Misalnya dengan kita melaksanakan industri berat seumpama ini, kita dapat memberi hasil di atas perusahaan, memberi peluang pekerjaan dan juga dapat mempertingkatkan pengeluaran negara sendiri.

Begitu juga tentang pakar Bank Dunia yang telah membuat komennya terhadap pembangunan di Malaysia. Katanya pembangunan di Malaysia begitu pesat dan beribu-ribu juta wang ringgit telah dibelanjakan, tetapi sayangnya wang yang dibangunkan di Malaysia menjadi ketul-ketul batu. Maksudnya lebih banyak wang ataupun berjuta-juta wang telah terkumpul di dalam bangunan-bangunan perumahan atau sebagainya. Dan pada pandangannya sekiranya wang itu sebegini banyak dilaburkan di sektor industri mungkin ianya akan memberi peluang pekerjaan. Peluang pelaburan akan bertambah dan meningkatkan wang yang dibekukan bagi perumahan dan sebagainya. Ini juga sebagai satu pandangan berdasarkan teori klasik. Kerana bagi kita misalnya pada tahun 1983/1984 menghadapi kemelesetan ekonomi, menghadapi tekanan pertumbuhan ekonomi, sekiranya tidak ada industri perumahan yang pesat, kemungkinan peluang-peluang pekerjaan tidak wujud dan pengaliran perdagangan barangan juga akan terbuntu dan ini adalah lebih teruk lagi kepada negara kita berbanding dengan tindakan yang kita ambil walaupun tindakan itu tidak membawa makna yang tinggi.

Jadi di sinilah yang saya katakan tadi, iaitu berbalik kepada apa yang saya katakan tentang nilai-nilai perancangan, tentang polisi dan dasar yang dibuat sebenarnya perlu mempunyai komunikasi yang begitu erat, supaya kefahaman yang benar-benar di antara pihak merancang, pihak melaksana dan pihak yang menjadi sasaran itu dapat dikenal pasti sebenar-benarnya, maka mungkin hasrat dan matlamat kita itu benar-benar membawa kejayaan dan pencapaian. Dari itu saya berharaplah kepada pihak Kerajaan mengambil perhatian yang sesungguhnya di atas pandangan yang saya berikan ini supaya kedudukan yang ada dapat dipertingkatkan dan dapat diambil

perhatian terhadap keadaan-keadaan, perkembangan-perkembangan misalnya sebagai satu contoh yang boleh kita jadikan bidang alternatif terutama sekali kepada kumpulan-kumpulan masyarakat yang miskin untuk turut melibatkan dan menyertainya.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya memberi contoh di sini ialah tentang bagaimana cara agensi-agensi Kerajaan sendiri mengadakan peluang-peluang yang boleh dilibati kepada pencapaian matlamat yang kita kehendaki.

Sekarang ini kerap kita memperkatakan tentang kemiskinan. Kemiskinan ini kebanyakannya berada di luar bandar dan kemiskinan ini kebanyakannya berada di sektor pekebun-pekebun kecil, di sektor pertanian, nelayan dan juga buruh-buruh kasar. Apa yang menjadi masalah mungkin kita juga tidak mampu untuk mengatasi kehendak Tuhan sendiri tentang qadha dan qadarnya yang miskin itu miskin, yang senang itu senang, yang kaya itu kaya. Tetapi sekurang-kurangnya kita berusaha memberi peluang-peluang penyertaan dan penglibatan.

Hari ini kalau kita lihat di segi agensi-agensi Kerajaan katakanlah Dasar Pertanian Negara. Dasar Pertanian Negara untuk dapat dilaksanakan terutama untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di sektor pertanian, dengan berusaha untuk meningkatkan hasil, berusaha untuk menambahkan pengeluaran, berusaha untuk membawa teknologi yang boleh memberi kebaikan dan berusaha dalam berbagai-bagai bidang yang lain.

Tetapi kadang kala kita lihat apabila terlampau banyak agensi-agensi yang ditubuhkan kadang-kadang ada yang bersaing, kadang-kadang ada yang melepas tangan, dan kadang-kadang kala ada yang tidak mempunyai fungsi

pekerjaan yang tetap, sebagai tugas yang boleh membawa kebaikan.

Misalnya Jabatan Pertanian sendiri dengan tertubuhnya Lembaga Pertubuhan Peladang, dengan tertubuhnya agensi-agensi yang lain, sekarang ini Jabatan Pertanian hanya tinggal 2L sahaja—latihan dan lawatan. Lainnya sudah tidak ada. Kemudian menyediakan sedikit sebanyak benih untuk petani-petani.

Dan begitu juga agensi-agensi yang lain yang mempunyai tugasnya yang terbatas juga, tidak menyeluruh dan kita lihat pula yang peliknya agensi-agensi yang berpusat kepada sektor luar bandar ataupun sektor pertanian tadi berada di dalam berbagai-bagai kementerian. Kementerian ini berdasarkan kepada kaptenya. Bagaimana arah dan tujuannya mungkin difikirkan oleh Menteri itu sendiri, walaupun Kabinet kita adalah kolektif. Di sinilah berlakunya tidak sealiran, tidak sematlamat, dan inilah yang banyak diperkatakan dan ditimbulkan di akhbar-akhbar sekarang ini.

Saya hendak memberi contoh di sini. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah membenarkan import barangan-barangan daripada luar termasuklah bahan-bahan mentah ke dalam negeri kita ini. Bawang merah \$58 million setahun, kentang \$27 million setahun, cili \$27 million, apple \$38 million dan kopi sahaja \$81 million setahun. Sedangkan Malaysia boleh tanam ini semua, kecuali apple dan sekarang pun di Sarawak dikatakan apple sudah berbuah. Dan banyak tanah kosong, tanah yang boleh diusahakan untuk tanaman ini.

Begitu juga daripada Thailand sendiri. Jagung kita bawa masuk pada tahun 1984 setakat bulan Ogos sahaja 29,432 metrik tan. Sedangkan di negara kita boleh ditanam di mana-mana. Buang sahaja biji jagung boleh

bercambah tumbuh jagung. Mengapa kita biarkan begitu sahaja? Asam jawa pada tahun 1983 2,151 metrik tan dan setakat Ogos 1984 1,229 metrik tan. Jangankan lain, kabu untuk membuat bantal itu dimasukkan daripada Thailand sebanyak 214 metrik tan sehingga bulan Ogos, 1984. Begitu juga tepung beras di bawa masuk daripada Thailand sebanyak 4,050 metrik tan. Kemudian kita timbul masalah di dalam negeri kita. Padi IR 42 jadi hancur sedangkan boleh dibuat tepung. Mengapa tidak dirancangan oleh agensi-agensi yang berkenaan. MARDI patut mengambil perhatian. Begitu juga agensi-agensi yang lain misalnya.

Mungkin ini semua tidak difikirkan oleh kerana seperti saya katakan tadi Kementerian-kementerian mempunyai kapten yang tersendiri untuk melayari perahu atau bahteranya dan tidak sealiran dengan keperluan yang ada di dalam negara. Pada hal ini semua boleh diselaras dan diambil kira supaya tidak membazir dan tidak membawa kerugian apa-apa.

Selain daripada itu misalnya ikan sahaja kita import daripada Thailand sebanyak 64,258.4 metrik tan. Lembaga Majuikan dicadang suruh ditutup. Pada hal kita import ikan daripada Thailand. Setakat bulan Ogos, 1984 42,659.3 metrik tan ikan daripada Thailand. Ini saya agak Lembaga Majuikan boleh mengambil perhatian. Dan kita timbulkan kemiskinan, sedangkan kita tidak mengusaha, kita tidak mewujudkan peluang-peluang alternatif kepada sektor-sektor miskin ini untuk melibatkan diri. Ini sebagai contoh yang saya berikan ialah untuk dapat menarik perhatian bahawa di dalam perancangan, kita perlu mempunyai komunikasi yang betul, supaya memahami di peringkat bawah ke atas, atas ke bawah dan merancang satu strategi yang benar-benar manfaat dan memberi faedah dan bermakna.

Matlamat kita sekarang ini yang perlu ditekankan ialah ke arah memberi pertumpuan kepada pengagihan ekonomi dan peluang-peluang ini boleh dirancang, boleh diatur, boleh dilaksana dan diminta penglibatan oleh kalangan-kalangan yang terlibat itu sendiri. Sekiranya keadaan ini diberi perhatian yang serius, maka mungkin kita akan dapat menyelesaikan lebih banyak masalah yang kita hadapi termasuklah masalah pertumbuhan ekonomi negara kita sendiri, tidak akan banyak membawa perbezaan di antara eksport dan importnya berbanding dengan apa yang berlaku pada masa ini dan terutama sekali di dalam keadaan di mana kedudukan ekonomi negara juga telah terlibat dengan pertumbuhan ataupun keadaan kedudukan ekonomi dunia yang tidak stabil sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin menyentuh di sini ialah tentang saranan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bahawa kita juga sedar kestabilan dan kedudukan keamanan di negara kita ini adalah bergantung kepada perpaduan kaum di negara kita sendiri dan inilah yang pernah dan kerap kali disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang iklim yang menakutkan bagi kita di Malaysia ini sendiri.

Di antara iklim yang menakutkan kita sekarang ini ialah bukan sahaja musuh yang ada di luar ataupun sekarang ini kalau kita lihat bahawa roket-roket yang diletupkan di Semenanjung Indo-China sudah boleh sampai di Pantai Terengganu, jika dihalakan sasarannya dan bukan sahaja kita hanya bimbang dengan adanya kapalselam-kapalselam daripada negara-negara besar, daripada negara komunis yang berkeliaran di perairan negara kita, tetapi iklim yang menakutkan kita ialah suasana di dalam negara kita sendiri.

Suasana di dalam negara kita sendiri adalah bergantung besar kepada perpaduan kaum, bukan sahaja di antara kaum, tetapi di dalam sesuatu kaum itu sendiri. Sekiranya keadaan ini tidak dapat diwujudkan sepenuhnya mungkin ditelahkan ataupun pihak-pihak yang telah membuat telahan bahawa Malaysia kita ini mungkin aman damai dalam masa 10 tahun yang akan datang, dan selepas itu tidak mungkin.

Kita bercakap begini ialah kerana pengundi-pengundi yang akan mengundi 10 atau 20 tahun yang akan datang, mungkin pengundi-pengundi yang sekarang masih lagi di dalam buaian ataupun masih lagi di dalam persekolahan.

Apa yang kita bimbang sepertimana pernah diceritakan tentang kesan pengaruh teori hantu. Saya percaya banyak kaum dan banyak kalangan bila disebut hantu, walaupun biasa tengok hantu, tetapi tahu menyebut hantu dan bila disebut hantu kononnya dia berasa seram kerana hantu itu menakutkan, hantu itu buruk, hantu itu jahat, hantu itu musuh dan sebagainya. Pendeknya minta barang dijauhkan oleh Allah jangan lintas langsung. Tetapi sekarang ini kesan pengaruh teori hantulah yang sedang diperkatakan di dalam negara kita ini, kesan pengaruh teori hantulah sedang disemaikan kepada masyarakat di negara kita ini, dengan tujuan supaya kita sesama kita merasai gerun dan takut. Biasanya, saya tidak tahu di kalangan kaum-kaum yang lain, tetapi saya percaya banyak kaum di dalam dunia ini termasuk masyarakat-masyarakat negara barat yang maju pun percaya kepada hantu. Bila dikatakan hantu ini begitu benci, kalau ada orang pula menjadi jinjang kepada hantu, maka tuannya pun dibenci. Dan ini yang saya katakan tadi apabila kesan pengaruh teori ini dikembangkan di dalam masyarakat kita, jadi masing-masing sudah mengangap itu hantu, ini

hantu, itu hantu dan ini hantu dan masing-masing dalam ketakutan.

Apa yang kita bimbang ialah akhirnya akan hilang kepercayaan di antara satu sama lain, akan hilang kepercayaan di antara sesama kepimpinan dan pemimpin, di antara kaum dan kaum dan kalau ini berlaku, maka kita sendiri menempah kehancuran yang kita sendiri mewujudkan teorinya untuk menghancurkan kita sendiri.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan sahaja bidang-bidang kesukanan, bukan sahaja bidang-bidang yang lain yang boleh merapatkan hubungan perpaduan kaum ini, tetapi saya rasa amat curiga sekarang ini apabila wujudnya pertubuhan-pertubuhan belia yang mempunyai aliran-aliran yang tersendiri. Tentang perkara ini saya minta Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mengambil perhatian. Bagi orang-orang Cina dengan GBBMnya, bagi kalangan orang-orang Melayu, Belia 4B; bagi orang-orang India, Tamil Bell dan macam-macam lagi pertubuhan-pertubuhan belia yang berasingan, yang menyemaikan semangat dan perasaan berasing-asingan, bererti tidak akan wujud satu integrasi di masa depan sebagai rakyat belia yang bersatu-padu, rakyat yang akan bulat sepertimana wujud pada masa ini. Mungkin untuk jangka panjang akan berlakulah masing-masing kumpulan, dan itulah yang saya katakan tadi bahawa mungkin 10 atau 20 tahun yang akan datang akan berlaku tidak lagi wujud sepertimana apa yang ada pada masa ini. Walau perkara ini secara tidak langsung kita kurang menyedari, walaupun ada di antaranya membawa kebaikan, tetapi saya rasa kebaikan berkurangan daripada keburukan, keburukan lebih banyak daripada kebaikan dan dengan itu perlulah Kerajaan sendiri memberi perhatian langsung supaya tidak akan

wujud lagi cara-cara ataupun keadaan-keadaan yang ada pada masa ini, yang boleh membawa keadaan yang tidak baik dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sukalah sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan sokongan saya kepada Usul yang dikemukakan untuk memberi setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ketika merasmikan Persidangan Dewan ini di mana dengan Titah Duli Yang Maha Mulia ini telah memberi saranan dan garis-garis panduan sama ada kepada Kerajaan sendiri, kepada agensi-agensi Kerajaan, kepada rakyat dan seluruh pihak supaya dengan ini akan dapat sama-sama memahami dan sama-sama mengambil tanggungjawab dan sama-sama pula memberi sokongan yang bulat untuk mencapai kejayaan di atas apa yang menjadi harapan dan tujuan kita.

Akhirnya, saya dengan sukacitanya menyatakan sokongan saya yang penuh terhadap Usul yang dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

5.00 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucap syukur ke hadrat Allah di atas keizinan dan limpah kurniaNya maka dapat saya turut serta mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini sempena dengan Upacara Perasmian Penggal Ketiga Parlimen Keenam negara kita Malaysia tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia harus berbangga dan rasa bertuah

kerana telah melahirkan pemimpin-pemimpin bijak bistari yang benar-benar bertanggungjawab, dedikasi dan mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang tak dapat ditolak banding. Sungguhpun negara kita kecil, tetapi terkenal di seluruh dunia, tambah pula mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan fahaman agama sebagai rakyat yang majmuk yang mempunyai serba keistimewaan, sama ada dari segi hasil mahsul dan barang pengeluarannya di daratan, lautan, pantai, bukit-bukau, gunung-ganang dan di dalam bumi Malaysia. Malaysia juga rasa bertuah kerana tidak mempunyai angkara-angkara yang menyebabkan bencana alam dan kemusnahan yang tidak diingini berlaku seperti gerak gempa, gunung berapi, ribut taufan, kering kontang, tanah runtuh dan banjir yang tak dapat dikawal seperti yang berlaku di setengah-setengah negara lain kemarau yang berpanjangan, sejuk yang berlarutan, begitu juga dengan kehausan dan kebuluran kalau dibanding dengan penderitaan dan kesengsaraan yang dialami oleh negara-negara lain.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sejak kita merdeka Malaysia telah dipimpin oleh Bapa Kemerdekaan kita, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan diikuti dengan Bapa Pembangunan Malaysia, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan diikuti pula oleh Tun Hussein Onn, iaitu Bapa Perpaduan dan sekarang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dengan dibantu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam yang berkalibar dan berkebolehan bukan sahaja dapat meneruskan dan mengharumkan nama Malaysia di antarabangsa, bahkan dapat meletakkan Malaysia ke mercu yang dihormati dan disegani oleh negara-negara kecil dan besar di dunia

sekarang ini. Ini terbukti dengan apa sahaja pertubuhan dan pakatan yang dianjurkan oleh Malaysia mendapat sambutan dan sokongan oleh kebanyakan negara-negara di dunia ini, begitu juga dengan mana-mana pertubuhan dan pakatan yang Malaysia menceburi. Malaysia tidak ketinggalan diberi peluang untuk bersama-sama mengendalinya.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula ternyata dengan lawatan-lawatan negarawan-negarawan luar yang terkemuka yang saban berlaku ke negara kita ini, begitu juga dengan pucuk pimpinan kita yang selalu diundang oleh negara-negara asing yang mana terpaksa Kerajaan berhati-hati dan meneliti dengan sedalamnya sama ada undangan tersebut membawa keuntungan terhadap negara dan rakyat kita, mahupun undangan tersebut dari negarawan terkemuka yang mana terpaksa di satu ketika ditolak kerana kita dan negara kita mempunyai maruah yang tinggi mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara kita. Selama 25 tahun sistem dan cara ini telah dapat memenuhi kehendak dan hasrat rakyat untuk mencapai matlamat kemajuan dalam semua aspek pembangunan. Kerajaan kita telah bersusah dan bersungguh-sungguh dan mengemaskini lagi badan-badan pentadbiran, di samping mewujudkan badan-badan baru Mahkamah Agong demi untuk meningkatkan kemakmuran dan mewujudkan keadilan di kalangan berbilang kaum dan keturunan, di samping mengamalkan sikap pentadbiran yang sederhana di dalam semua hal termasuk perkara politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain lagi. Sikap sederhana ialah satu sikap yang sangat dipuji dan dimulia oleh agama kita yang maha suci, dengan izin sabda Nabi yang bermakna: **Sebaik-baik**

pekerjaan adalah pertengahan atau sederhana; tidak laju dan tidak pula lambat, tidak ke kiri dan tidak pula ke kanan, bahkan sederhana dan berbetulan. Maka dengan yang demikian telah melahirkan sikap Bersih, Cekap dan Amanah, iaitu sifat-sifat yang terpuji dan mendapat keberkatan dari Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang selalu bersifat bongkak, sombong, pelampau dan keterlaluan di dalam sesuatu selalu terjerumus dalam gejala tidak sihat dan termasuk di dalam lembah kehinaan, bukan sahaja membangkitkan rakyat jelata marah, benci dan bosan, bahkan tidak menaruh kepercayaan dengan tidak memberi mandat untuk memerintah dan mentadbir, maka selalu mendapat kekalahan di dalam pilihanraya hasil dari kemurkaan Allah dan tidak mendapat keizinan dariNya.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membangkitkan fitnah sesama sendiri dan rasa tidak bersyukur di atas nikmat yang telah diberi yang dilakukan oleh kalangan setengah pihak, hasil dan usaha keterlaluan dan sifat pelampau dari golongan yang tidak bertanggungjawab dan membangkitkan isu-isu perkauman dan bermusuhan yang mana boleh menimbulkan suasana yang tidak stabil sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara yang mana dengan usaha yang tidak sihat dan terkutuk ini dilakukan oleh mereka demi untuk kepentingan diri sendiri. Kepada rakyat jelata hendaklah sedar dan waspada dan kembali ke pangkal jalan, bak kata pepatah: sesat di hujung jalan, kembali ke pangkal jalan. Dan marilah bersama kita menyokong Kerajaan yang ada sekarang ini, iaitu dengan menyokong Barisan Nasional yang mana dapat menjamin keadilan, keselamatan dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda telah menyatakan penghargaan dan mengucap setinggi terima kasih dan tahniah kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah berjaya melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan cekap dan mempunyai Kepimpinan Melalui Teladan. Kepada Ketua-ketua Jabatan di dalam Perkhidmatan Awam hendaklah mengawasi dan mengawal dengan sungguh supaya menjamin keseluruhan anggota di bawah jagaannya di semua peringkat dan lapisan dapat mengendali kerja dengan lebih Bersih, Cekap dan Amanah serta menjamin kawalan musuh-musuh utama negara, iaitu dadah, komunis dan puak pelampau tidak berlaku. Kepada ibu bapa, ketua-ketua kampung, ketua-ketua keluarga, pemimpin belia, ketua-ketua badan berkanun dan firma hendaklah berwaspada di atas gejala-gejala yang tidak diinginkan, lagi dikutuk itu dan diharap supaya berganding bahu dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan bagi membanteras musuh-musuh utama tersebut bagi menjamin keselamatan rakyat jelata dan kemakmuran negara yang dicintai.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucap tahniah kepada Kerajaan kita yang mana telah terus bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali Komanwel, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan meneruskan usaha-usaha bagi mendapat sokongan antarabangsa di dalam mencari penyelesaian kepada masalah Afghanistan dan soal Antartika, Rancangan Kerjasama Teknik dengan Negara ASEAN, Pasifik Selatan, Asia Selatan, Asia Barat dan Afrika. Antara lain juga, Kerajaan kita terus memainkan peranan untuk meningkatkan kerjasama dan perpaduan di kalangan Negara-negara Pertubuhan Islam dan sokongan terus diberi kepada perjuangan rakyat Palestin dan kepada usaha-usaha Pertubuhan Persidangan

Islam untuk menyelesaikan Peperangan Iran-Iraq dan menerusi Dewan ini kita berdoa supaya sebarang usaha dan gerak langkah Kerajaan mendapat restu dari Allah azawajalla.

Tuan Yang di-Pertua, di atas keterangan Kerajaan terhadap kemunduran dan penderitaan rakyat di luar bandar mempunyai serba kekurangan sejak ia dijajah sehingga sekarang walaupun kemerdekaan selepas 28 tahun masih terdapat tidak mempunyai kemudahan asas seperti api, air, jalanraya-jalanraya, sekolah-sekolah yang tidak mempunyai sebarang kemudahan asas atau padang permainan untuk melakukan kegiatan sukan.

Apa yang paling anih masih terdapat rumah dan tempat kediaman yang serba kekurangan dari bahan perumahan yang lapuk, yang berselerak di tepi-tepi sungai, di lereng-lereng bukit, tempat pendalaman dan terpencil, di atas rakit dan tidak mempunyai kemudahan perhubungan jalan untuk mereka menjalankan pekerjaan, persekolahan dan melakukan ibadat harian dan mingguan. Kesihatan juga tidak terjamin, memiliki tanah sekangkang kera, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, mempunyai tanah terbiar, pokok-pokok getah tua, dusun-dusun yang lama tidak mengeluarkan hasil dan buah lagi.

Dengan usaha Kerajaan bagi mempertingkatkan kawasan luar bandar sejak beberapa tahun tetapi kemajuan dan pembangunan pesat di kawasan bandar terus meningkat dan di atas kesedaran Kerajaan bagi menentukan peningkatan kemajuan luar bandar adalah dialu-alukan dan diharap rakyat akan menyahut seruan Kerajaan dengan penuh minat, terutama sekali keluarga nelayan, kaum tani, pekerja-pekerja ladang, pekebun-pekebun kecil, Orang-orang Asli serta kumpulan yang kurang

bernasib baik masih memerlukan perhatian khusus untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kepada LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) hendaklah melipatgandakan usaha dan membetulkan keadaan dengan segera apa-apa usaha yang tidak berfaedah dan merugi, nasib para nelayan, kajian semula dan usaha pemulihan hendaklah dibuat dengan mempunyai pegawai-pegawai yang mahir dan penuh bertanggungjawab di samping mempunyai kemudahan kewangan yang cukup bagi menjamin teknologi moden dapat diikuti dan dinikmati oleh para nelayan sekalian.

Kepada Yang Berhormat, LKIM yang baru, hendaklah bersabar dan berhati-hati di atas sebarang langkah baru yang hendak dilakukan supaya hasrat Kerajaan dan para nelayan tidak keciwa.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah khususnya RISDA hendaklah bersungguh-sungguh dan melipatgandakan kegiatan mereka khususnya di dalam menjamin tiap-tiap penanaman semula sama ada tanah mempunyai surat akuan atau tidak, hak usaha perseorangan berkelompok dan secara berestet yang sedang berleluasa sekarang ini supaya dapat disediakan tanah yang sesuai ditanam dengan benih yang bermutu, dikawal dengan rapi iaitu berpagar yang teguh dan kuat yang boleh tahan lima atau enam tahun dan dijagai dengan bersungguh-sungguh supaya terjamin, tiap-tiap benih ditanam hidup dengan segar dan subur supaya hasrat dan cita-cita keluarga pekebun-pekebun kecil yang seramai 500,000 orang dapat dibela dan dinikmati dari usaha mereka di bawah jagaan dan kelolaan RISDA yang tempat mereka menaruh kepercayaan dan dengan harapan mendapat memiliki pokok-pokok getah yang baik mutunya dan

peratusan hidup yang tinggi. Bahan-bahan baja dan racun serangga dan rumput-rumpai hendaklah diberi dan dikawal dan menjamin penggunaan kepada mereka seratus peratus. Saya percaya dan yakin jika pihak RISDA memberi penuh tumpuan di bidang tanaman semula lebih dari tugas-tugas yang lain insya-Allah pekebun-pekebun kecil akan mendapat pokok getah yang sihat dan pengeluaran hasil yang lumayan, setimpal dengan usaha mereka. Bak kata pepatah: Akal yang baik dari tubuh badan yang sihat.

Begitu juga dengan pengeluaran getah hasil yang lumayan dari pokok getah yang segar dan bermutu. Antara lain diharap pihak RISDA dapat mencari jalan dengan sesungguhnya supaya menjamin susu yang dikeluarkan dari pekebun kecil dapat diproses dengan alat-alat yang sedia ada diberi oleh RISDA menerusi beribu-ribu PPPK iaitu Pusat Pembangunan Pekebun Kecil yang ada di merata-rata di negara kita ini yang mana disokong pula oleh beratus-ratus mini PPPK yang kebanyakan tersadai dan tidak diguna dengan sepenuhnya. Usaha ini elok pihak RISDA memberi apa-apa usaha galakan supaya menjamin mereka menggunakan alat-alat terus seperti mesin, rumah-rumah asap supaya pengeluaran hasil mereka bermutu dan mendapat pasaran yang baik. Walaupun ada berbagai-bagai kemudahan tetapi pekebun-pekebun kecil asyik membuat getah beku dan kok-lam yang mana harganya murah dan merugikan mereka sendiri. Oleh itu menerusi Dewan ini diharap pihak RISDA dapat berusaha dengan apa cara sekalipun asalkan dapat menjamin pengeluaran pekebun kecil bermutu, tidak seperti sekarang ini.

Kepada Kementerian Perusahaan Utama diharap dapat memberi dan menjalankan usaha supaya susu-susu getah sekerap yang dijual oleh pekebun kecil itu mendapat harga yang baik dan berpatutan dan diharap

supaya selain daripada mendapat pekerjaan di kilang-kilang MARDEC usaha penceburan pekebun-pekebun kecil di segi pelaburan dengan kilang MARDEC juga harus diberi kerana kilang MARDEC adalah kilang memproses hasil pengeluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Dewan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya kepada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang telah memilih Baling sebagai Daerah Contoh untuk pembangunan dan dimajukan seperti rancangan mendirikan pekan baru untuk bumiputera diberi peluang berkecimpung dalam perniagaan di bandar oleh Perbadanan Kemajuan Negeri, yang kedua melipatgandakan hasil pertanian dengan menggunakan tanah sawah dengan sepenuhnya, memulihkan tanah-tanah terbiar untuk tanaman padi dan kolam ikan air tawar, mengadakan jalan-jalan pertanian, memulihkan dusun-dusun tua oleh IADP. Yang ketiga, menyusun semula kampung dan kependudukan ala cara baru dan teratur, mengadakan industri kecil dan tanaman kopi dan pokok-pokok buah-buahan oleh KEDA yang mana dahulunya hanya MADA sahaja. Kepada ketiga-tiga badan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri, IADP dan KEDA hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan mempunyai peruntukan yang secukupnya dan mempunyai tenaga pegawai yang mahir dan berpengalaman dan berterusan yang mana tidak diganggu-gugat oleh mana-mana pihak usahanya. Insya-Allah Baling akan menjadi "Berlin" satu hari.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Dalam Negeri diharap dapat mengambil tindakan yang tegas terhadap perkembangan dan kegiatan terakhir oleh pihak-pihak pelampau atau ekstrimis yang akan menyebabkan keselamatan negara terancam dan akidah Islam tergugat yang sedang

berlaku di negara kita sekarang ini khususnya di Baling. Mudah-mudahan dengan tindakan tegas dan cekap dari Kerajaan usaha yang tidak berfaedah dan manfaat itu dapat dihindar dan dibanterasakan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri Kewangan diharap mendapat penuh perhatian dan memberi pertimbangan supaya membenarkan penubuhan tambahan bank perdagangan di Baling iaitu cawangan Bank Bumiputra atau Bank Islam kerana sekarang hanya ada mempunyai sebuah bank perdagangan sahaja.

Buat mengakhiri, menerusi Dewan ini saya mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah di atas kejayaan bekas Menteri Besar Kedah iaitu Yang Berhormat Dato Seri Syed Nahar Shahabuddin, Ahli Dewan Negeri Langkawi yang telah membawa rakyat dan negeri Kedah ke tahap yang lebih makmur dan dapat menarik ramai pelancong ke negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri Pertanian yang baru saya mengucapkan setinggi terima kasih di atas lawatan ulung ke Baling setelah menjawat jawatan Menteri Pertanian dan kepada Menteri Pertanian yang lama iaitu Yang Berhormat Dato Abdul Manan yang telah meninggalkan banyak jasa dengan memberi berbagai-bagai kemudahan dan pertolongan bagi meningkatkan para pak tani-pak tani di Baling. Kepada bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Yang Berhormat Dato Rais Yatim yang telah memilih dan mengisytiharkan kawasan dan Daerah Contoh RISDA bagi Daerah Baling. Kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Timbalan Menteri Pengangkutan yang telah membuat lawatan di Baling baru-baru ini setelah Baling diisytiharkan Daerah Contoh untuk pembangunan bagi negeri Kedah oleh Yang Berhormat

Dato Paduka Haji Osman Arof, Menteri Besar baru Negeri Kedah Darul-Aman, kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri diucapkan terima kasih di atas ingatan mereka dan sentiasa memandang serius di samping memberi berbagai-bagai pertolongan dan bantuan terhadap rakyat Baling. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.40 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh. Saya bangun turut menyokong menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa Usul oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 26hb yang lalu bagi pembukaan Parlimen Keenam Penggal Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saranan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan penerapan-penerapan Islam yang disebutkan di sini di dalam Dewan yang mulia ini. Hari yang pertama itu beliau telah datang dan masuk Duli Yang Maha Mulia telah mengucapkan Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh kepada sekalian Ahli Dewan.

Dewan ini telah berusia 25 tahun akan menyambut Hari Jubli Peraknya pada besok hari. Jadi sangat molek dan sesuaiilah Dewan ini apabila dimulakan Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan Assalamualaikum. Penerapan nilai-nilai Islam hendaklah merupakan suatu yang bukan hanya meniti di bibir mulut sahaja malah ianya hendaklah merupakan suatu yang dipraktik oleh

sesiapa juga yang ingin menjadikan nilai yang murni bermutu, ini sebagai amalan harian.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini Kerajaan telah mengisytiharkan pakaian kepada wanita yang bekerja dengan Kerajaan iaitu meluluskan mini telekong tetapi pakaian yang lain-lain itu dibenarkan juga, kalau dapat hendaklah dimestikan kepada semua wanita yang bekerja dengan Kerajaan mamakai mini telekong ini menutup aurat di tengkuk dan di leher. Ini adalah haram di sisi agama Islam di situ sahaja kita pandang sekali imbas. Di samping itu ada pula dibenarkan juga mereka-mereka memakai pakaian-pakaian jarang, pakaian yang tidak menutup aurat, tidak berselendang, ada yang pakaiannya ketat macam balut buah nangka. Ini semua tidak diredai Allah sebagai pakaian Islam.

Begitu juga pakaian-pakaian uniform tentera wanita, pasukan simpanannya, pasukan Polis, mestilah menutup aurat iaitu rambut dengan mini telekong sebagaimana saya tengokkan pasukan pengakap wanita telah ditutup rambutnya barulah ditaruhnya songkok pengakapnya itu ditutup pergelangan tangan di hujung itu sebagai dikehendaki wanita Islam dalam hijabnya ini.

Jadi inilah yang kita kehendaki bukan ada pula boleh bebas selaras, selari, seimbis semua sekali baharulah dikatakan penerapan nilai-nilai Islam itu berjalan dengan lancarnya. Ini ada nurse, jururawat-jururawat kita ada sekeping kain di atas, apa maknanya, tidak tahu, ini betul-betul ikut contoh zaman kita dijajah oleh British taruh pakaian balik dengan pakaian putih dan sebagaimana bell-bottom ataupun seluar yang disuruh pakai, ada juga yang pakaian seluar, ada juga yang pakai gaun, kalau kaum lain boleh pakaian gaun kalau orang Islam mestilah pakai bell-bottom, cantik.

Sudah itu pakai pula mini telekong, alangkah hebat jururawat Islam kita.

Ini di TV pula, seorang pembaca warta berita Hajjah Wan Chik Daud sangat cantik, bukan orangnya cantik sangat tetapi cantik di sisi Islam memakai pakaian waktu membaca warta berita sudah ditukarkan ke tempat lain. Orang yang gantinya itu pakai macam itu sebab kita ada slogan kita Kepimpinan Melalui Teladan merupakan suatu yang perlu ditetap sekiranya kita mahu melaksanakan negara kita berjalan dengan lebih positif dan produktif lagi. Kita tahu kalau lelaki itu selalu pakai songkok sebaik-baiknya tetapi songkok bukanlah satu perkara sebagai disuruh, cuma sebagai adab sahaja tetapi perempuan sangat perlu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat pihak Kerajaan kita menemuduga kepada pekerja-pekerja terutama kakitangan Kerajaan hendaklah mereka ini lulus di dalam ujian agama Islam. Saya dapat maklumat bahawa apabila angkatan polis diambil baharu-baharu ini 30% tidak erti sembahyang, tidak erti mandi. Kemudian dibuat satu kuliah untuk hendak menjadikan pegawai-pegawai anggota ini betul-betul berdisiplin dan ada mempunyai keimanan atau ketinggian kerohanian al-aqabah dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita selalu menyebutkan orang-orang muda berpoya di tempat-tempat hiburan, tempat-tempat di taman-taman bunga tetapi kita mesti sedari bahawa pemimpin-pemimpin dan orang-orang besar serta usahawan-usahawan yang meningkat sekarang, mereka menyimpan mistress atau perempuan simpanan di tempat yang indah-indah di pent-house, itulah kita takuti Allah Taala akan kutuk kita sebagaimana kaum "Ad dan Thamud".

Tuan Yang di-Pertua, kita terlalu melaung-laungkan sebagaimana cogan

Kerajaan kita Cekap, Bersih dan Amanah bergema-gema di Malaysia adalah satu usaha Kerajaan untuk mewujudkan satu suasana di mana setiap rakyat yang berada di dalam negara benar-benar cekap di dalam menjalankan tugasnya. Pada mulanya cekap ini disebut licin. Perkara ini sangatlah tidak dikehendaki oleh negara yang membangun ini kerana masih terdapat lagi pihak-pihak kakitangan Kerajaan ponteng yang mana telah pun diadakan punch card, dengan izin, apabila masuk sahaja mereka membuat kerja, bukan kerja pejabat, ada wanitanya itu penuh dalam itu dengan menjahit, berbual, makan, minum dan sebagainya. Ini pun satu rasuah kerana wang yang diterima itu tidak setimpal dengan kerja-kerja yang dibuat oleh mereka akan merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bersih pula bukan sahaja merupakan kebersihan lahiriah malah membersihkan hati, nurani rakyat dengan sendiri meningkatkan prestasi pelaksanaan kerja seseorang itu. Kebersihan lahiriah pula adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam umpamanya kebersihan pegawainya. Pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dan rumahtangga, kampung halaman, daerah negeri dan negara. Nabi ada bersabda kebersihan adalah sebahagian daripada keimanan ini bahawa bererti kebersihan lahiriah boleh menambahkan kekuatan keimanan seseorang Islam.

Menyentuh tentang Amanah pula, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa ianya pula kerana tanpa amanah segala pelaksanaan tugas tidak akan berjalan dengan lancar walaupun Kerajaan, pihak TV telah menunjukkan tangan katanya ditunjukkannya muzik tangan juga membasuh tangan ini tetapi tangan itu masih berleluasa bagaimana satu hadis menyatakan menerima rasuah dan penerima rasuah adalah ahli neraka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga mengenai penerapan nilai-nilai Islam lagi iaitu berkenaan dengan makan dan tanda-tanda makanan ditulis tanda "halal" di emporium dan supermarket. Saya sendiri pernah ternampak di dalam satu rak ataupun peti ais, menunjukkan di sini ada daging halal, di sini pula daging yang tidak halal. Sedangkan yang berkerjanya seorang, dia ubah ini, ubah itu dengan tangannya dan sebagainya. Perkara ini dimintalah pihak Jabatan Agama Islam atau Pusat Islam di negara kita ini mengkaji dengan seluas-luasnya supaya penerapan nilai-nilai Islam itu hendaklah merupakan suatu yang bukan hanya seperti saya katakan tadi di bibir mulut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul menjunjung kasih. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Lupar.

5.32 *ptg.*

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuka mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ada menyebutkan bahawa ada pihak yang salah faham ataupun curiga terhadap langkah-langkah Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tetapi kita semua sedia maklum bahawa dasar Kerajaan Barisan Nasional tidak menjejaskan hak asasi rakyat, bahkan hasrat Kerajaan kita akan terus berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di seluruh negara yang tidak pilih bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun kebelakangan ini kita dapati bahawa banyak kemajuan yang telah dicapai dengan pesatnya terutama sekali di seluruh kawasan bandar dalam Malaysia. Dasar Kerajaan tidaklah membangun bandar sahaja, bahkan perlu juga ditumpukan kepada kawasan luar bandar supaya semua rakyat yang berbilang kaum semuanya sedar dan maju.

Kita dapati bahawa masih banyak kumpulan yang kurang bernasib baik yang perlukan perhatian yang serius supaya taraf hidup mereka akan dapat dipertingkatkan. Kumpulan yang masih ketinggalan itu ialah kaum petani, nelayan dan belia peladang. Mereka menyambut baik atas dasar Kerajaan kita walaupun mereka masih ketinggalan di bidang kemajuan luar bandar. Mereka sentiasa sabar dan mereka juga berharap bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa memelihara rakyat dan juga memberi kemudahan-kemudahan kepada segenap lapisan rakyat dengan tidak pilih bangsa dan agama akan perlu diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa negara Malaysia sebuah negara yang sangat bebas dalam Asia Tenggara ini dan ini boleh diambil kira bahawa Malaysia sebuah negara dalam ASEAN yang amat cepat di bidang pembangunan dan rakyat yang berbilang kaum dan keturunan di negara ini perlu digesa supaya perpaduan akan bertambah kukuh dan keselamatan di negara kita ini akan dapat meningkat baik. Rancangan pembangunan pula akan dapat dijalankan dengan licin jika perpaduan negara kita bertambah kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini hari yang keempat kita bahaskan Titah Ucapan Duli Tuanku dan kita tidak mendengar ucapan yang tertentu dari Parti DAP dan Parti PAS mengenai perpaduan nasional di negara kita ini.

Bahkan ahli Parti DAP dan ahli Parti PAS bercakap tentang kawasan mereka sendiri sahaja. Ini bererti menanggung di air keruh.

Pada pendapat saya penyokong-penyokong kedua parti tersebut mungkin ingin Malaysia ini sebagai sebuah negara aman dan makmur. Jadi ahli-ahli Parti DAP dan ahli Parti PAS tidak pernah menentang dasar komunis di negara kita ini. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua parti tersebut tidak bekerjasama dengan Kerajaan untuk memperkukuhkan perpaduan nasional di negara kita ini.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan tiap-tiap tahun menyarankan supaya semua lapisan rakyat tidak pilih bangsa dan agama tidak pilih parti pemerintah atau parti Pembangkang digesa supaya dapat memperkukuhkan dan menentang anasir komunis di negara kita ini. Komunis masih lagi banyak di negara kita ini khususnya di negeri Perak yang berdekatan dengan sempadan Thai dan juga di negeri Sarawak iaitu mengikut laporan dari Jabatan Keselamatan Negara. Dan oleh sebab itu semua "political party" yang ada dalam negara kita hari ini perlulah menyokong penuh atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda dan menyokong Kerajaan supaya komunis yang masih tinggal di hutan tua di Semenanjung ataupun Sarawak digesa kembali kepada keluarga mereka sendiri dan bermula mencari cara hidup baru. Kemudian Kerajaan kita akan dapat memberi pertimbangan kepada mereka supaya cara hidup mereka akan dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu mengenai masalah yang sering berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan khususnya di bandar iaitu perompak (robbery) di negara kita ini. Jadi kumpulan perompak telah bertambah buruk di negara kita ini dan saya ingin

tahu sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan perompak di negara kita ini kerana para perompak pun musuh negara dan juga musuh rakyat.

Rakyat berasa bimbang tambahan pula pencuri-pencuri di negara kita ini pun telah berkembang dan oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, Kerajaan kita perlulah meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk dikuatkuasakan iaitu menambahkan hukuman berat kepada orang yang bersalah, hukuman yang ada sekarang tidak mencukupi dan golongan perompak ini akan menakutkan rakyat seluruhnya. Hukuman yang berat untuk dijatuhkan kepada golongan perompak itu perlu dijalankan dengan secepat mungkin supaya dapat mengurangkan perompak dan pencuri di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya juga mengenai perompak dalam negeri ataupun di luar negeri, kalau mereka didapati betul-betul salah tidak boleh diberi pertimbangan oleh mahkamah, bahkan diteruskan hukuman gantung oleh sebab undang-undang yang ada sekarang tidak mencukupi, maka Kerajaan perlulah meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri supaya dapat mengurangkan perompak termasuk juga hukuman kepada pencuri yang perlu ditambah dengan hukuman yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia menyebut bahawa dalam satu negara yang masih mundur perlu diperuntukkan wang dengan berlipat-lipat ganda. Dan di samping itu ingin saya menerangkan bahawa kemajuan luar bandar di negeri Sarawak sangat jauh ketinggalan kalaulah dibandingkan dengan kemajuan luar bandar di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berulang kali bercakap mengenai masalah kaum petani di negeri Sarawak khasnya petani yang menanam padi bukit yang belum lagi dapat menanam padi bukit dengan secara moden dan hasil dari tanaman padi bukit, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Corak kehidupan petani di luar bandar selepas menanam padi, menoreh getah sahaja. Dan boleh kerana kekurangan jalan raya untuk mengeluarkan pendapatan mereka, ini juga menjadi masalah yang kedua terhadap petani yang tinggal di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya ingin juga bercakap mengenai tanaman lada hitam, kelapa sawit dan juga koko yang amat perlu digalakkan di negeri Sarawak kerana masih banyak tanah yang luas dan subur. Memandangkan tanah masih luas dan subur, maka Kerajaan kita perlulah menambah peruntukan berlipat ganda kepada negeri Sarawak supaya tanah yang luas dan subur itu tidak terbiar. Kaum petani di Sarawak perlu diarahkan menukarkan corak hidup mereka. Mereka perlu digesa menanam lada hitam dan sekurang-kurangnya 200 pokok kerana hasil dari 200 pokok itu dalam setahun akan dapat memberi hasil tidak kurang dari \$4,000 dan begitu juga tanaman koko jika seorang akan menanam 500 pokok hasilnya tidak kurang \$400 sebulan atau \$5,000 dalam setahun.

Dari dua jenis tanaman tersebut, saya fikir kemiskinan kaum petani di kawasan luar bandar akan bertambah baik. Rakyat di luar bandar perlu dipelihara dengan lebih berkesan supaya mereka tidak dapat dipengaruhi oleh anasir jahat komunis di negeri Sarawak. Masa sekarang komunis itu dapat dikawal, mereka tidak dapat sokongan dari rakyat, tetapi kalau rakyat dibiarkan berpuluh-puluh tahun, saya sangat khuatir kerana komunis sentiasa mencari

peluang dan menghasut rakyat supaya rakyat akan benci kepada Kerajaan. Dan oleh hal yang demikian, saya sekali lagi mencadangkan supaya Kerajaan Pusat akan dapat menyediakan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dengan berlipat kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya anggap penting kepada kawasan pedalaman iaitu menyediakan lebih banyak lagi jalan kawasan tertentu dan bila jalan itu telah siap nanti, Kerajaan perlulah menyediakan iaitu jentera dua atau tiga dalam satu kawasan daerah untuk disewa oleh rakyat. Kerana saya difahamkan bahawa masa sekarang ada jentera-jentera yang dipunyai oleh orang tengah, dan sewa dalam satu jam di antara \$50.00 sehingga \$60.00. Ini pun tidak mencukupi disewa oleh orang yang berpendapatan tinggi. Tetapi bagi rakyat yang kurang nasib baik, mereka tidak mampu bayar sewa \$60.00 pada satu jam.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seorang yang ingin memerlukan kolam ikan, menubuh kolam ikan dan kolam itu dibina mengambil masa 50 jam dan ongkos sewa traktor itu ataupun jentera itu tidak kurang dari \$3,000.00. Bagi rakyat yang berpendapatan rendah ini menunggu sampai empat, lima tahun, mereka pun tidak dapat membuat kolam ikan. Dan oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya strategi baru untuk menyediakan jentera-jentera moden kepada tiap-tiap daerah di negeri Sarawak sangat penting, kerana jikalau perkara menyediakan jentera ini dianggapkan perlu oleh Kerajaan, jentera ini pun akan dapat menambahkan hasil tanaman yang lain seperti tanaman kelapa sawit, getah, lada hitam, koko dan sebagainya ataupun buah-buahan di negeri Sarawak dan rakyat pun dapat menanam dengan cara besar-besaran

dan ini akan dapat menambahkan hasil pendapatan Kerajaan kita.

Sekali lagi saya bangun dan menyokong Ucapan Titah Di-Raja. Terima kasih.

5.45 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul yang dibawa oleh Ahli dari Kemaman dalam menyembah menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda merasmikan sidang Parlimen pada 25hb Mac lalu. Duli Yang Maha Mulia selaku payung negara, di dalam Titah Ucapan Baginda, sesungguhnya telah memberikan gambaran yang tepat tentang keadaan kemajuan dan masalah-masalah negara dan rakyat, di samping membuat seruan yang bermakna dan penting kepada pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tepat sekali bahawa Parlimen adalah lambang kekuatan demokrasi negara kita. Dan sejak kita Merdeka, sistem dan amalan demokrasi bukan sahaja telah memenuhi hasrat rakyat untuk mencapai kemajuan dalam semua bidang pembangunan tetapi sebenarnya telah menjadikan teras kekuatan kepada negara dalam menghadapi berbagai cabaran, berbagai halangan, berbagai rintangan dan pancaroba. Pilihan terhadap sistem demokrasi ini adalah pilihan rakyat kita sendiri dan oleh itu kekuatan dan manfaat yang diperolehi daripadanya adalah merupakan kekuatan dan manfaat bagi rakyat itu sendiri. Apa yang membanggakan saya sebagai anggota parti Kerajaan ialah hakikat bahawa sejak rakyat membuat pilihan terhadap sistem demokrasi ini, parti yang memerintah telah dipilih untuk mengemudikan, menjadi penjaga ataupun "custodian", dengan izin, kepada sistem demokrasi di

negara ini tanpa putus-putusnya. Dan ini menunjukkan keyakinan dan kepercayaan rakyat negara ini yang tidak berbelah bagi kepada parti yang memerintah, sehinggakan boleh dianggapkan bahawa pilihan terhadap demokrasi dan pilihan terhadap parti yang memerintah adalah merupakan pilihan yang satu, "synonymous", dengan izin.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengapakah rakyat telah membuat keputusan dan pilihan ini dan bagaimanakah parti yang memerintah telah berjaya menawarkan dirinya sebagai pilihan yang sebaik-baiknya untuk satu jangka masa yang begitu lama secara kekal. Jawapannya kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas dan senang sekali kerana rakyat berpendapat Kerajaan yang ada tetap memenuhi tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepadanya. Kerana tidak ada satu pun parti lain yang boleh diberikan tanggungjawab dan amanah yang besar dan sebesar ini, yang berharga ini tanpa menghadapi risiko bahawa demokrasi dan amanah yang akan diberikan jatuh ke tangan parti-parti yang lain itu nantinya akan musnah, diperkosa, dinodai dan membawa kepada purak-puranda. Sememangnya menjadi adat dan hakikat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa keyakinan hanya akan wujud di atas bukti-bukti dan bukan di atas janji-janji. Kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan yang ada sesungguhnya adalah terbina di atas bukti-bukti yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan ini tanpa ragu, tanpa syak dan tidak bergoyang lagi. Kepercayaan dan keyakinan yang kemas, utuh, terikat kuat, tersimpul mati tidak boleh diorak-urai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut dan mementingkan persoalan ini bukanlah kerana apa-apa, tetapi adalah sebagai menyambut atau satu "response", dengan izin, terhadap selaran-selaran yang boleh

mengabui dan mengelirukan rakyat sehingga boleh merugikan negara dan rakyat sendiri yang sering dan sentiasa digugat oleh beberapa parti Pembangkang. Saya mementingkan perkara ini kerana saya merasa muak dan bimbang terhadap gambar-gembur gelagat dan permainan politik beberapa parti Pembangkang dalam negara ini. Kerana saya nampak satu keghairahan yang keterlaluan, satu macam kemabukan, kalau boleh saya katakan, di kalangan parti-parti politik tersebut untuk menonjol kewibawaan dan kewiraan mereka di dalam mempertahankan demokrasi dan memperjuangkan kepentingan rakyat di negara ini. Keghairahan dan kemabukan ini bukan sahaja cuba ditunjukkan oleh mereka di dalam Parlimen ini, malahan dan lebih-lebih lagi di luar Parlimen, di merata ceruk pelusuk negara tidak kira apa kesempatan sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menganggap demokrasi telah dicabuli oleh parti yang memerintah. Dari selaran dan tuduhan-tuduhan mereka, harus mereka bermaksud sebenarnya demokrasi telah mati di negara ini di tangan Barisan Nasional. Politik Barisan Nasional bukan politik demokrasi, politik wang ringgit, politik perkauman, politik penindasan, itu kata mereka. Dari kecaman-kecaman dan tuduhan-tuduhan mereka itu harus mereka bermaksud mengatakan bahawa pemerintahan di negara ini bukan sebenarnya pemerintahan demokrasi tetapi pemerintahan yang penuh kezaliman, pemerintahan yang fascist, pemerintahan diktator.

Mereka lalu mengemukakan contoh-contoh dan menggambar-gembarkan isu-isu untuk mengipas api kemarahan rakyat seperti isu Bukit Cina, pengimportan limau mandarin dan konon apa yang dikatakan langkah untuk menyekat kebebasan bersuara dan kebebasan berakbar di negara ini. Mereka menganjurkan kepada rakyat

bahawa mereka adalah committed, dengan izin, kepada perpaduan nasional. Dan mereka menggelarkan diri mereka sebagai gerakan patriotik. Patriot nasionalisma Malaysia yang tulin. Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, DAP cuba sehabis daya, sekuat usaha untuk membuktikan kepada rakyat, mereka adalah lebih baik, mereka lebih layak, mereka lebih committed, lebih berupaya untuk menjadi kemudi dan pengawal kepada demokrasi, intan permata pusaka rakyat negara ini.

Alangkah peleknya, Tuan Yang di-Pertua, fikiran, perasaan, angan-angan dan mimpi yang sebegini. Pada pandangan saya ini mimpi seorang kenit menjadi seorang gergasi, mimpi seorang petualang menjadi seorang wira, mimpi seorang yang telah gagal terhurban ke dalam lumpur, menakluk puncak kejayaan yang cemerlang. Hakikatnya, rakyat negara ini telah selama-lamanya menolak DAP. Hakikatnya juga, rakyat negara ini faham benar bahawa DAP adalah sebuah parti perkauman yang hidup makan dan minumannya atas isu-isu perkauman. Hakikatnya rakyat maklum benar-benar bahawa DAP yang dipertanggungjawabkan sebagai ketua, sebagai wira Pembangkang di Parlimen di negara ini telah gagal memainkan peranannya, telah gagal memenuhi matlamat rakyat untuk mewujudkan Pembangkang yang bertanggungjawab di Parlimen di negara itu.

Parlimen dan rakyat menghiamkan pembentukan satu barisan Pembangkang yang bertanggungjawab, berkesan dan berfungsi tetapi ini telah gagal dipenuhi oleh DAP. Rakyat bertanya bila lagi negara ini akan dapat melihat pembentukan Pembangkang yang bertanggungjawab, berkesan dan berfungsi? Jawapannya, memang tidak mungkin. Rakyat telah dikecewakan oleh DAP. Hasrat ini terbukti hanya

suatu mimpi; akan tinggal mimpi kerana DAP tidak ada kemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat perlu diberitahu bagaimana boleh mereka mengharapkan satu barisan Pembangkang yang bertanggungjawab, berkesan dan berfungsi jika Ketua Pembangkangnya tidak mendapat sokongan dan tidak dapat membentuk pengikut-pengikutnya yang terdiri dari berbagai Parti Pembangkang di dalam Parlimen. Bagaimana matlamat ini dapat dicapai jika Ketua dan setengah Ahli-ahli Pembangkang sendiri bersikap tidak bertanggungjawab dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga perlu diberitahu tentang keghairahan DAP mengadakan walk-out, dengan izin, dari sidang-sidang Parlimen, tentang kurang adap mereka ketika berhujah, tentang keangkuhan mereka tidak mematuhi keputusan-keputusan Tuan Yang di-Pertua di dalam sidang dan keputusan-keputusan Parlimen itu sendiri. Rakyat mesti diberitahu tentang ahli mereka dari Jelutong yang angkuh dan membazirkan suara rakyat hingga sekarang sanggup tidak hadir dalam Parlimen kerana semata-mata tidak mahu menuntut maaf di atas kesalahannya. Malah rasanya, rakyat perlu juga mempersoalkan sama ada DAP menaruh taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau apakah tidak DAP ini sebenarnya sebuah parti yang republican.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan ini cukup membuktikan kepada rakyat kita bahawa DAP bukanlah satu pilihan yang wajar, bukan tandingnya dengan parti yang memerintah sekarang ini. DAP pada pandangan saya adalah ibarat kucing yang berjalan malam menyuruk kukunya dan akan mengeluarkan dan menggunakan kuku yang bisa itu bila bertemu mangsanya dan mendapat peluang yang baik.

Ibarat harimau yang akan menampakkan belang dan tembelangnya bila sudah berkuasa. Kita bersyukur rakyat telah menolak DAP dan yakin DAP akan terus ditolak oleh rakyat tidak kira apa juga tipu muslihat dan sandiwara yang dimainkan oleh mereka.

Kepada DAP, Tuan Yang di-Pertua, saya minta sungguh-sungguh supaya mereka berhenti menghujah bahawa sekiranya mereka memerintah semua masalah negara akan dapat diselesaikan, berhenti dari membuat jaminan-jaminan kosong bahawa bila mereka telah memerintah masalah hutang negara akan langcai, masalah imbalan dagangan negara akan hapus, pentadbiran akan bersih, cekap, amanah 100% sepenuhnya, perkauman dan polarisasi kaum tidak akan wujud lagi, DAP akan tercapai sepenuh, rakyat akan dapat demokrasi tulin di mana kawasan pilihanraya akan dibuat berasaskan prinsip satu orang satu undi, rasuah dan pilih kasih akan lenyap, pembangunan luar bandar akan ditingkatkan, pendaatang-pendatang haram akan dihapuskan. DAP akan perintah dengan bermoral. Parlimen akan menjadi lebih berkesan dan tidak menjadi rubber stamp.

Itu semua pada pandangan saya sebagaimana yang telah saya katakan adalah mimpi yang dibuai oleh cita-cita yang terlalu melambung. DAP perlulah sedar, Tuan Yang di-Pertua, mimpi adalah umpama buih, datang angin buih akan hanyut dan pecah di muka air, yang tinggal adalah air yang boleh menenggelam dan melemaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks yang sama saya berpendapat Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan semua golongan pemimpin khususnya ahli-ahli Parlimen akan peranan dan tanggungjawab terhadap negara, bangsa serta rakyat tentang perlunya

kebijaksanaan dan pertimbangan yang saksama dalam memikul tanggungjawab dan juga perlunya mengeneipkan sikap melampau dan keterlaluan yang boleh menimbulkan suasana yang tidak stabil sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara perlu diberikan perhatian yang utama.

Parti-parti, pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli politik, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dalam mana-mana negara sekalipun. Merekalah yang menentukan corak nasib negara dan rakyat. Parti dan pemimpin politik yang bertanggungjawab, bijaksanaan dan sederhana akan memimpin negara dan rakyat kearah kesejahteraan dan kebahagiaan negara. Ini telah terbukti oleh parti-parti yang memerintah selama ini. Tetapi di dalam gelanggang politik tanah air kita tidak kurang pula parti, pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli politik yang hendak bermain api yang cuba meniup dan mengipas bara supaya menjadi api yang marak yang boleh membakar negara dan rakyat, mereka menganjurkan anarki sebagai alternatif kepada demokrasi.

Apa yang hendak saya bangkitkan dan pentingkan juga di sini ialah tentang ancaman kepada demokrasi dan proses pilihanraya yang nampaknya menjadi semakin jelas dan terbukti di negara ini sejak kebelakangan ini. Saya telah menyebutkan di Dewan ini dalam tahun 1983 lagi tentang wujudnya cara-cara, taktik-taktik, perbuatan-perbuatan dan kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam pilihanraya di negara ini. Saya telah menyebut tentang perbuatan-perbuatan mengoyak poster-poster parti lawan, perbuatan menyekat dan mengepung pekerja-pekerja dan calon-calon parti lawan, perbuatan menyekat hingga mencedera anggota-anggota keselamatan.

Saya juga telah menyebut tentang terdapatnya ahli-ahli parti yang membawa senjata-senjata tajam dan merbahaya semasa kempen-kempen pilihanraya dan seterusnya saya telah memberi amaran tentang kemungkinan berlaku perkelahian bersenjata dan pertumpahan darah dalam pilihanraya jika keadaan ini tidak dibendung segera. Kebimbangan ini, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya telah benar-benar berlaku pada masa ini. Perkara yang paling ditakuti ini akhirnya telah benar-benar berlaku. Peristiwa Lubok Merbau dalam pilihanraya kecil Padang Terap baru-baru ini telah membuktikan bahawa konfrantasi cara dan amalan pilihanraya yang dimaksudkan sebenarnya boleh menjadi ancaman yang serius kepada proses pilihanraya, proses demokrasi di negara ini.

Peristiwa ini pada pandangan saya hanya titik permulaannya sahaja. Kemungkinan-kemungkinan yang lebih buruk rasanya sedang menunggu di hadapan kita. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan rakyat negara ini perlulah diingatkan, perlu diberikan amaran tentang kemungkinan pilihanraya di negara ini akan menjadi satu peristiwa huru-hara sekiranya tindakan-tindakan tegas tidak diambil terhadap parti, pemimpin-pemimpin dan pengikut-pengikut parti yang anarchistic ini. Rakyat negara ini telah memilih demokrasi sebagaimana yang telah saya katakan. Pilihanraya adalah kemuncak demokrasi di mana kita memilih Kerajaan. Pilihanraya mesti dilindungi oleh undang-undang kerana ini bererti perlindungan kepada demokrasi itu sendiri. Adakah boleh kita membenarkan anarchy pertumpahan darah dan huru-hara menghancurkan demokrasi yang telah kita pilih dan sangat-sangat kita hargai itu?

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah mengambil langkah tegas

secukup-cukupnya dan berkesan bagi menjamin pilihanraya di negara ini dapat berjalan dengan licin, dengan aman, dengan tenteram dan tanpa huru-hara. Pemimpin-pemimpin PAS perlu diberitahu dengan tegasnya bahawa cara, taktik, sikap dan tindakan-tindakan tidak berdemokrasi yang diamalkan oleh mereka untuk mencari kemenangan dalam pilihanraya adalah salah, bertentangan dengan demokrasi malah merbahaya, mengancam keselamatan negara. Pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong PAS perlu diberitahu bahawa anarchy bukanlah sebahagian daripada demokrasi dan pertumpahan darah bukan matlamat pilihanraya, bukan juga matlamat demokrasi. Oleh itu mereka mesti menghentikan perbuatan-perbuatan yang boleh menimbulkan ancaman dan bahaya kepada negara dan rakyat.

Sesungguhnya apa yang membimbangkan saya tentang PAS bukanlah pengaruh dan kehandalan politiknya. Yang membimbangkan saya tentang PAS bukan kerana mereka menjadi saingan dan ancaman kepada politik UMNO, bukan kerana saya takut UMNO kalah di tangan PAS kerana kemungkinan itu sebenarnya rasanya tidak ada, insya Allah. UMNO memang mempunyai keupayaan yang kuat dan tidak tergugat di dalam menentang PAS daripada segi politiknya, tetapi apa yang membimbangkan saya ialah tentang permainan dan api politik yang dibawa oleh PAS yang akan menjejaskan keselamatan negara, perpaduan dan akidah orang-orang Islam. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab Kerajaan, bukan tanggungjawab UMNO. Oleh itu Kerajaan janganlah gagal di dalam tanggungjawab ini kerana akibatnya nanti sangat besar, sangat pedih.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya suka saya menyentuh tentang masalah pendatang-pendatang haram ke negara

ini. Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, merasa pelik bahawa negara kita, Kerajaan kita mempunyai dua dasar yang berlainan berhubung dengan pendatang-pendatang haram di negara ini. Dasar yang pertama ini pada pandangan saya ialah dasar berhubung dengan pendatang-pendatang haram dari Indonesia dan yang seumpamanya dan dasar yang keduanya ialah dasar berhubung dengan pendatang haram dari Vietnam.

Dasar kita terhadap pendatang-pendatang haram Indonesia adalah dasar yang tidak menerima dan ini terbukti kerana kita mengambil langkah menghantar mereka pulang, sementara dasar kita terhadap pendatang haram Vietnam ialah dasar yang menerima di mana kita memberikan perlindungan kepada mereka. Ini saya anggap dasar menerima dengan tangan terbuka.

Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita mempunyai dua dasar yang berlainan ini. Dasar ini mengikut hemat saya nampaknya sama dengan dasar DAP yang menentang habis-habisan kemasukan pendatang haram Indonesia tetapi mereka senyap sepi macam tikus jatuh ke beras terhadap kemasukan pendatang-pendatang haram dari Vietnam.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya Kerajaan berasional dan bertegas dalam hal ini. Ubahkan dasar menerima yang kita amalkan sekarang terhadap pendatang-pendatang haram Vietnam kepada dasar yang tidak menerima sebagaimana yang juga kita amalkan bagi pendatang-pendatang haram daripada negara-negara lain. Saya fikir kerana dasar yang terbuka inilah kita tidak dapat membendung kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam kerana mereka tahu mereka akan pastinya diterima dan diperlindungi dan diberi kemudahan di negara ini.

Mereka tahu jika mereka datang ke Malaysia, Pulau Bidong yang terletak dalam kawasan pilihanraya saya, Ulu Nerus, sedia menunggu, cukup lengkap dengan kemudahan-kemudahan sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri semalam. Mereka tahu mereka lari ke syurga. Logiknya, Tuan Yang di-Pertua, siapa yang tidak mahu lari ke syurga dari neraka?

Tuan Yang di-Pertua, Pulau Bidong mesti ditamatkan dari menjadi pusat penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam kerana nelayan-nelayan dan rakyat tempatan telah lama sensitif dan menanggung kerugian dan pelbagai kesulitan berhubung dengan penggunaan Pulau ini untuk tujuan yang saya maksudkan. Mereka sebenarnya telah begitu lama gelisah. Mereka tidak dapat menerima kenyataan mengapa 8,000 orang pendatang-pendatang haram yang masih tinggal di Pulau tersebut tidak dapat dipindahkan ke negara-negara ketiga, sedangkan lebih 120,000 orang telah berjaya dipindahkan pada masa yang lalu.

Mereka menyebut kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, tentang kemungkinan adanya persefahaman dan pakatan di antara UNHCR dan negara-negara ketiga yang tidak mahu memindahkan keseluruhan pendatang-pendatang haram ini dan dengan itu menyelesaikan sama sekali masalah penggunaan Pulau Bidong ini, kerana mereka mahu menjaga kepentingan-kepentingan mereka sendiri, kerana mereka tidak mahu menyerahkan balik Pulau Bidong kepada Kerajaan dan kepada rakyat kita. Rakyat saya meminta supaya ditimbangkan kepentingan-kepentingan mereka terlebih dahulu, barulah menimbangkan kepentingan-kepentingan orang lain. Lagi pula, kita sebenarnya telah lama menunjukkan

sikap kerjasama dengan Bangsa-bangsa Bersatu dalam soal pelarian Vietnam ini. Sudah sampai masanya kita meminta pula sekarang ini kerjasama mereka menimbangkan masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika pun kita masih memerlukan satu pusat penempatan sementara bagi pelarian-pelarian Vietnam yang masih ada yang sangat kecil bilangannya, apa salahnya dan tidakkah boleh pusat ini dibuat di tanah besar daratan dan tidak lagi di Pulau Bidong. Perbelanjaan dan masalah penyelenggaraan pendatang-pendatang haram yang ditempatkan di Pulau Bidong adalah sangat besar. UNHCR terpaksa menanggung belanja yang besar dan menghadapi banyak kesulitan-kesulitan di dalam menyelenggarakan Pulau Bidong ini terutamanya di musim tengkujuh kerana adanya bahaya ancaman kepada nyawa. Pendatang-pendatang haram juga banyak sebenarnya menderita ketika mereka ditempatkan di Pulau ini.

Saya meminta supaya silalah kita kaji benar-benar masalah psikologi mereka itu, nescaya kedapatan betul apa yang saya katakan ini. Saya berharap sangat, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat dalam kawasan saya, supaya kesemua pihak yang berkenaan termasuk Kerajaan, Suruhanjaya Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara ketiga supaya sama-sama bekerjasama menyelesaikan masalah penggunaan Pulau Bidong sebagai pusat penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam ini. Kami berdoa dan berharap sangat mudah-mudahan Pulau Bidong akan segera kembali ke pangkuan kami.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mukah.

Dr Leo Micheal Toyad (Mukah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk merakamkan penghargaan tahniah dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi Titah Ucapan dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu. Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu adalah tepat, ringkas dan padat. Titah Ucapan itu menyentuh semua aspek rakyat Malaysia dan menggambarkan aspirasi Kerajaan dan rakyat dan menyeru kepada semua lapisan rakyat bahawa tanggungjawab memajukan dan membangunkan negara adalah tanggungjawab kita semua.

Titah Ucapan itu telah menekankan aspek pembangunan dan pendidikan belia dan pelajar. Ini adalah tepat pada masa ini kerana lebih kurang 40% rakyat Malaysia adalah di dalam golongan ini, termasuk mahasiswa, pelajar dan belia. Pembangunan tenaga belia dan tenaga manusia penting untuk memenuhi kekurangan dan meningkatkan lagi kemampuan kita dan daya pengeluaran negara kita. Langkah Kerajaan sekarang harus dialu-alukan di mana rancangan latihan vokesyenal, rancangan pelajaran dengan kurikulum baru sekolah rendah dan menengah yang telah kita lihat memberi kesan di peringkat awal dan ada memberi harapan yang cerah di dalam pendidikan generasi baru Malaysia. Begitu juga langkah untuk mempergiatkan lagi anak-anak muda kita dan pelajar melibatkan diri dari peringkat awal secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti luar, kuliah atau darjah. Selain daripada menjaga kesihatan jasmani, aktiviti begini sentiasa akan memberi peluang kepada pelajar membentuk sikap bekerjasama dan berpadu. Pembangunan peribadi seseorang individu itu sedikit sebanyak bergantung atas hubungan seseorang

itu dengan alam sekeliling dan cara-cara hidup yang dihadapi.

Di peringkat ini sikap yang berasas kepada agama, kejiranan dan nasiolisma kita dapat dengan cara sedikit sekali dipupuk dalam kehidupan anak-anak belia kita. Di sini juga sebagai diserukan oleh Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, pemimpin dan bakal pemimpin harus memberi teladan dan memupukkan jalan untuk generasi yang akan datang. Sikap pelampauan dan mementingkan diri sendiri tidak harus dibiarkan tumbuh di dalam negara kita dan di dalam politik negara ini, kerana hasrat kita dari segi integrasi nasional antara kaum dan antara negeri yang kita ingin mencapai itu, sentiasa akan ditangguh dan dihancurkan apa-apa langkah yang kita telah ambil.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara atau satu-satu negeri itu harus bermanfaat kepada rakyat dan bukan untuk satu golongan atau dua yang terkecil sahaja dan pembangunan harus juga berjalan serentak dengan pembangunan rakyat. Dengan adanya generasi belia yang bertenaga dan berdisiplin, masa depan Malaysia akan lebih cerah sebagai sebuah negeri yang berdaulat dan bermarwah kerana mempertahankan keteguhan ekonomi dengan kekayaan sumber asli kita dan sumber manusia negara kita yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah setakat ini telah menunjukkan kejayaan dalam pencegahan dan memerangi wabak dadah. Dadah itu adalah satu musuh yang dibentuk oleh segolongan manusia yang tidak berperikemanusiaan dan telah tenggelam di dalam lautan maksiat dan kegilaan benda dan wang. Mereka ini sentiasa mengambil kesempatan kelemahan manusia untuk menguntungkan diri sendiri.

Malaysia adalah sebuah negara yang pertama yang menganggap dadah itu bukannya satu social problem tetapi satu masalah nasional dan satu wabak yang boleh menghancurkan moral dan kedaulatan bangsa dan negara. Usaha Kerajaan kita di peringkat antarabangsa pun telah berkesan dan banyak negara-negara yang lain termasuk negara Amerika Selatan dan sebelah jiran kita telah bersefahaman dengan konsep Malaysia itu terhadap dadah. Memerangi wabak dadah mesti diusaha terus sehingga masyarakat dunia sanggup bekerjasama kerana ini adalah masalah yang melibatkan kesemua negara yang digunakan oleh pendedar-pendedar dadah ini.

Negara kita mesti terus menjalankan usaha-usaha membentuk sebuah masyarakat belia yang kuat dan mempertahankan dari pencerobohan dadah. Dengan adanya generasi yang bersatu-padu, berilmu pengetahuan, berdisiplin dan bermoral tinggi. Generasi yang percaya bahawa dengan semangat cintakan negara dan berazam bahawa negara kita adalah tanggungjawab kita semua, dan hak kita bersama. Peperangan dadah ini seperti yang telah disebut oleh rakan-rakan saya yang lain adalah satu adegan di dalam hidup kita yang memerlukan semua rakyat bekerjasama. Di peringkat antarabangsa kita harus mendesak negara yang mengeluarkan dadah supaya menyedari masalah ini dengan lebih mendalam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin juga mengucapkan terima kasih atas kunjungan Menteri-menteri di Sarawak dan saya harap dengan perhubungan yang lebih erat dan berkesan, pembangunan ekonomi dan infrastruktur di negeri Sarawak akan terus maju. Kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sekarang memang memuaskan dan pembangunan di Sarawak bukan hanya sebagai pembangunan di

wilayah Sarawak sahaja tetapi kita anggapkan pembangunan negara Malaysia amnya. Rakyat Sarawak mengalu-alukan hasrat Kerajaan sebagai dinyatakan di dalam Titah Ucapan untuk meningkatkan usaha untuk membangunkan Sabah dan Sarawak. Pembangunan Sarawak dengan kekayaan sumber tanah dapat diusahakan dengan kerjasama yang rapat yang wujud sekarang kerana untuk mendapat lebih manfaat dari kekayaan sumber tanah, galian atau pertanian dan juga kekayaan laut, ikan, infrastruktur juga penting untuk memberi perkhidmatan supaya pengeluaran dan kegunaan sumber-sumber ini dapat menguntungkan negeri Sarawak khasnya dan juga ekonomi Malaysia amnya. Kaum nelayan di Sarawak pun telah berbangga diberi peluang yang cerah untuk mereka meninggikan taraf hidup mereka dari kemudahan seperti kompleks perikanan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat bersama dengan Kerajaan Negeri.

Rakyat Sarawak ingin bersama-sama menubuhkan dan mendirikan Malaysia sebagai negara yang teguh dalam ekonomi. Setakat ini dalam kemerdekaan, kita menghadapi cabaran pembangunan dan pembangunan bukan untuk abad ini sahaja tetapi untuk memberi jenerasi yang akan datang, dengan izin, "an economically and politically stable heritage". Negara Malaysia adalah pusaka kita rakyat Malaysia bersama dan pembangunan adalah untuk manfaat rakyat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri kita dalam Kerajaan Barisan Nasional telah pun menempatkan Malaysia di taraf antarabangsa sebagai sebuah negeri yang mahu damai dan masyarakat dunia harus hidup bersama dengan perhubungan ekonomi dan kerjasama yang rapat dan adil.

Usaha Malaysia dalam penyelesaian isu Kampuchea harus dialu-alukan dan konsep damai di Asia Tenggara ini adalah penting kerana di rantau ini adalah letak negara-negara yang membangun dan merdeka. Sebagai rakyat yang telah merdeka dan mencapai merdeka selama lebih dari suku abad kita tidak mahu rantau ini menjadi kawasan di mana penjajah dan kuasa besar masuk campur tangan dan menggunakan rantau ini menjadi gelanggang pertempuran mereka.

Hasrat kerajaan untuk terus giat dan meningkatkan kerjasama dengan rakan-rakan kita di rantau ASEAN ini dan dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah baik dan disokongkan oleh kita rakyat Malaysia.

Akhirnya saya ingin juga menyentuh serba sedikit konsep beli barang-barang buatan Malaysia. Konsep ini akan menolong memperkukuhkan pendirian ekonomi kita dan mengurangkan kehilangan wang dalam foreign exchange kita. Kerjasama masyarakat pengusahawan di Malaysia ini mestilah ada juga kerana mereka adalah rakyat Malaysia dan mesti mementingkan kepentingan negara. Apa yang telah dilaung-laungkan oleh pihak pembangkang dengan membesar-besarkan perkara yang tidak cukup dengan hasrat kerajaan itu seperti melaung-laungkan isu dalam soal perdagangan dan ekonomi yang saya merasa jemu untuk menyebut lagi, harus dikumpulkan dan dikebumikan dalam hutan belantara atau di tengah lautan China Selatan.

Hasrat mereka untuk memperteguhkan pendirian mereka yang sekarang dan yang tidak sihat itu dari segi hasrat kerajaan. Kerana masyarakat kita adalah satu masyarakat yang adil dan sikap seperti ini tidak harus dibiarkan. Dan perbezaan taraf penglibatan ekonomi

harus dikurangkan dan saya ingin memberi tahniah kepada Kerajaan yang telah mengambil langkah-langkah yang kita lihat yang telah dilancarkan dalam Dasar Ekonomi Baru ini. Usaha-usaha kerajaan dalam mengurangkan perbezaan ini tidaklah akan merosakkan dan menyusahkan sesiapa tetapi hanya akan menyediakan peluang yang sama rata untuk rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lupa juga saya ingin menegaskan bahawa perkhidmatan kesihatan di luar bandar tidak boleh diketepikan. Masalah kesihatan boleh diatasi pada pendapat saya dari segi dedikasi pekerja dan keutamaan mereka ditumpukan atas pentingnya kesihatan tenaga manusia.

Dari pendapat saya juga kelemahan masih ada di peringkat penyeliaan perkhidmatan ini dan kita harap bersama dapat kita meninggikan prestasi bukan dari segi statistik sahaja tetapi kesan dalam hidup seharian mereka-mereka dan rakyat di luar bandar.

Tenaga manusia akan dilemahkan oleh penyakit seperti malaria dan parasit yang lain. Tidaklah payah saya menyebut panjang lebar mengenai penyakit ini kerana Kementerian Kesihatan pun sudah faham mengenai perkara ini. Saya harap di kawasan luar bandar rancangan pelaksanaan program-program mengawal malaria dan alam sekitar seperti kemudahan kebersihan akan diberi terus keutamaan dengan diberi lebih peruntukan kerana maksud-maksud yang telah saya katakan dahulu.

Kita tidak mahu rakyat yang tidak cukup sihat kerana mereka akan tidak dapat memikul bebanan pembangunan dan cabaran pembangunan itu. Jadi harapan kami rakyat di Sarawak khususnya luar bandar ialah supaya pelaksanaan ini dan penyeliaan perkhidmatan kesihatan dengan

peruntukan yang ada itu patut diusaha supaya berhasil dan lebih bermanfaat yang kita saksikan sekarang.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga memberi sokongan saya kepada rakan saya yang membawa usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tampin.

6.27 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama membahaskan Usul untuk mempersembahkan Ucapan Setinggi-tinggi Terima Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada 25hb Mac yang lalu.

Pada saya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia sepatutnya menjadi panduan kepada semua golongan di negara kita ini sama ada pihak Kerajaan, ahli politik termasuk parti-parti Pembangkang mahupun kepada pegawai Kerajaan dan juga rakyat jelata dalam usaha kita untuk membangunkan negara ini supaya kita semua hidup dalam keadaan kesempurnaan dan kemakmuran.

Seperti yang diTitahkan oleh Duli Yang Maha Mulia dan telah pun terbukti sejak kita mencapai kemerdekaan negara ini telah dapat kita bangunkan atas sikap sederhana dalam segala hal. Dan inilah yang telah diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional. Memanglah tepat sekali jika Duli Yang Maha Mulia menggulung golongan-golongan pelampau ini sebagai salah satu musuh utama negara yang patut kita sama-sama perangi. Golongan-golongan pelampau ini sama ada golongan pelampau politik, pelampau

kaum, mahupun pelampau agama atau lain-lain golongan pelampau haruslah sedar dan mengakui bahawa kegiatan, pandangan, pemikiran dan tindak tanduk mereka tidak akan menguntungkan sesiapa pun termasuk diri mereka sendiri. Jika fahaman pelampau dibiarkan berkembang tanpa disekat, keselamatan dan kestabilan negara kita ini sudah tentu akan terancam. Dan patut sangatlah pihak Kerajaan bertindak dengan lebih tegas lagi dalam menghadapi golongan-golongan pelampau ini.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, malangnya tidak ada satu pun golongan di negara ini yang mengakui diri mereka sebagai golongan pelampau. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar rakyat mengetahui golongan-golongan pelampau ini, mereka yang selalu memainkan isu-isu perkauman dan isu-isu agama untuk maksud politik masing-masing, mereka patutlah berhenti berpura-pura menjadi pejuang perpaduan nasional, memperjuangkan Agama Islam dan sebagainya, kerana rakyat mengetahui apa yang sebenarnya mereka lakukan. Mereka ini sentiasa sahaja mencari salah, kelemahan Kerajaan dan memutar-belitkan isu-isu tertentu dan mengaitkannya pula sebegitu rupa, seolah-olah merekalah pejuang tulin perpaduan nasional; pejuang tulin mengembangkan Agama Islam dan sebagainya, dan Kerajaanlah yang menyebabkan keadaan bertambah buruk di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur rakyat tidak mudah tertipu atas tipu daya mereka dan oleh kerana itulah mereka tidak mendapat sokongan. Namun begitu, patut jugalah kita mengingatkan pihak-pihak ini, khususnya parti-parti Pembangkang supaya berusaha menjadi pembangkang yang bersih, pembangkang yang cekap dan amanah dan janganlah mereka ini dibawa oleh

arus glamour, dengan izin, membangkang sehinggalah sanggup menuduh Parlimen yang mulia ini sebagai rubber stamp. Sebenarnya, mereka ini merupakan orang-orang yang kecewa kerana berbagai taktik yang dahsyat, perkataan "dahsyat" yang selalu digunakan oleh Ketua Pembangkang yang mereka gunakan setakat ini, tidak langsung mendatangkan sebarang hasil. Ahli-ahli Pembangkang dari Parti DAP khususnya mungkin akan terus menghina Dewan yang mulia ini sebagai rubber stamp dan sebagainya kerana mereka sebenarnya mengharapkan Ahli-ahli Dewan yang lain sama-sama menolak Rang Undang-undang ataupun usul-usul yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan. Walaupun hati kecil mereka sendiri mengetahui Rang Undang-undang atau usul itu memberi manfaat kepada rakyat dan diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil dan tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah bagi Ahli-ahli Pembangkang khususnya dari DAP menjatuhkan tuduhan yang hebat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang tidak sealiran fikiran dengan mereka, semata-mata untuk menunjukkan rasa kekecewaan mereka.

Rang Undang-undang dan usul-usul Kerajaan yang disokong kerana ianya dibuat untuk kebaikan rakyat dan negara ini, sementara itu pandangan penyokong-penyokong Kerajaan tidak pula selalunya menyokong membabi-buta sahaja, tetapi bermacam-macam cadangan, teguran dan sebagainya dibuat dengan niat yang bersih untuk memperbaiki sesuatu perkara.

Beberapa pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP pun ada yang baik, walaupun terlalu banyak yang dibuat atas maksud untuk membangkang semata-mata dan kadang-kadang dibuat dengan niat

yang tidak murni. Jika begitulah keadaannya, Tuan Yang di-Pertua, eloklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP yang membuat tuduhan bahawa Dewan yang mulia ini adalah rubber stamp, berfikirilah dengan jiwa yang bersih, cekap dan amanah sebelum membuat tuduhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini kerana pada pandangan saya soal perpaduan nasional, soal perpaduan kaum—bukanlah satu perkara yang boleh kita main-mainkan, tidaklah boleh dibawa ke tahap yang rendah sehinggakan isu limau mandarin pun dieksploitasikan oleh Parti DAP untuk mencetuskan semangat perkauman. Walaupun Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memberi penerangan pada awal mesyuarat 2-3 hari yang lalu dan penjelasan yang jelas, yang nyata tetapi beberapa orang Ahli Pembangkang DAP masih juga menimbulkan isu ini dan mengaitkan pula sehingga menuduh Kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, membuat tuduhan, mencari kesalahan dan merosakkan suasana yang aman, suasana yang damai adalah satu perkara yang mudah, tetapi untuk memperbaiki keadaan yang kacau-bilau, keadaan yang tidak baik adalah amat susah. Jadi elok sangatlah Parti DAP dan lain-lain parti Pembangkang khususnya Parti PAS menghentikan tindakan dan muslihat-muslihat mereka yang boleh mengeruhkan suasana.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting yang perlu diberi keutamaan oleh semua rakyat Malaysia ialah melipatgandakan usaha untuk terus memupuk semangat cintakan negara ini, cintakan negara Malaysia ini. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat berkait rapat dengan hati kalbu seseorang rakyat Malaysia

itu, hati kalbu inilah patut kita asuh dari peringkat awal lagi, institusi pendidikan perlulah memainkan peranan yang amat penting ini dan oleh kerana itulah Kerajaan telah memastikan bahawa sistem dan kurikulum pelajaran kebangsaan sekarang ini dapat ditujukan ke arah matlamat itu, selain menyediakan pelajar-pelajar kita dengan modal ilmu yang cukup dan sesuai untuk bekalan hidup mereka di masa akan datang dan untuk pembangunan negara kita. Kita perlulah memastikan sistem pelajaran kita menuju ke arah perwujudan satu perasaan cintakan negara yang jitu, melalui satu budaya, pendidikan bahasa yang disebut sebagai Malaysian, dengan izin. Yang demikian Tuan Yang di-Pertua, adalah amat penting semua anak-anak Malaysia dididik di peringkat awalnya dalam satu bentuk pendidikan yang telah saya sebutkan tadi. Adalah menjadi satu kerugian yang besar dan mungkin akan menjadi satu titik mula kekacauan yang dahsyat jika di peringkat awal pendidikan anak-anak kita, kita asuh dengan semangat yang tidak berbau Malaysian lebih-lebih lagi semangat perkauman yang chauvinistik ataupun semangat anti establishment. Oleh kerana itu saya menyokong kuat desakan beberapa kumpulan rakyat yang cintakan negara ini supaya Kerajaan mengadakan satu undang-undang untuk mengharamkan rakyat negara ini dari menghantarkan anak-anak mereka mendapat pendidikan awal, pendidikan rendah Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara asing sama ada di Singapura mahupun di Eropah, di Amerika atau lain-lain negara pun, sementara itu Kerajaan juga mestilah mengharamkan perwujudan sekolah-sekolah swasta yang berkemungkinan menyeleweng dari dasar pelajaran negara dan dari matlamat mencapai perpaduan nasional, semua sekolah di negara ini perlulah merupakan sekolah Kerajaan atau sekolah-sekolah yang dikawal terus oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyeru supaya approach-approach ke arah mewujudkan perpaduan nasional ini dibuat melalui berbagai-bagai sudut.

Kita berharap dan berdoa agar Dasar Ekonomi Baru yang menggunakan approach-approach ekonomi dapat mencapai matlamat perpaduan nasional tersebut. Sementara itu approach-approach yang berbentuk lain seperti berbentuk historical, budaya dan sebagainya supaya interaksi di antara rakyat yang berbilang kaum di negara kita ini dapat berlaku dalam keadaan saling faham-memahami, dalam keadaan saling mengerti dan hormat-menghormati, dan patutlah perkara ini juga bermula di peringkat pendidikan rendah di mana anak-anak kita dapat mengerti budaya, cara berfikir dan cara hidup perasaan kawan-kawan mereka dari kaum yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menitahkan betapa perlunya tumpuan yang lebih diberikan kepada pembangunan luar bandar. Rakyat di luar bandar, walaupun telah menikmati berbagai kemudahan hasil dasar Kerajaan sejak kita merdeka, tetapi di segi perbandingan taraf hidup mereka masih lagi ditahap yang rendah, kita sangat berterima kasih atas usaha-usaha Kerajaan menyusun semula ekonomi desa dengan dasar-dasar innovative.

Kita sangat berterima kasih kepada Kerajaan yang telah menubuhkan FELDA yang bukan sahaja dipertanggungjawabkan untuk membangunkan hutan belantara kepada ladang-ladang getah, kelapa sawit dan sebagainya, tetapi juga untuk mewujudkan satu masyarakat luar bandar yang moden. Walaupun FELDA telah berjaya menaikkan pendapatan peneroka melebihi garis kemiskinan, tetapi FELDA perlulah bertindak lebih aggressive lagi untuk

mempastikan tenaga pembelian yang diwujudkan untuk penubuhan FELDA itu sendiri dapat dipusingkan sepenuhnya untuk faedah peneroka-peneroka itu sendiri. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, walaupun dasar ini telah menjadi tumpuan FELDA, tetapi di segi pencapaian dan pelaksanaannya masih lagi di peringkat yang boleh dikatakan lembab. Usaha-usaha FELDA untuk mewujudkan pusat-pusat bandar umpamanya di gugusan atau kompleks rancangan FELDA banyak yang tergendala, mungkin akibat ketiadaan wang dan sebagainya. Dalam perkara ini nampaknya pihak agensi lain tidak banyak melibatkan diri. Saya difahamkan pihak Perancang Bandar dan Desa umpamanya dan pihak Kerajaan Negeri, UDA, MARA dan sebagainya lagi tidak melibatkan diri secara langsung oleh kerana perkara ini merupakan perkara yang penting dan merupakan salah satu matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pada hemat saya, ianya perlulah dibuat dan dilihat secara integrated melalui perancangan corporate yang rapi.

FELDA perlulah mengkhususkan bidangnya kepada perkara-perkara yang ianya mempunyai kepakaran. Perkara sebegini yang memerlukan kepakaran dalam bidang yang tertentu, kawasan pembangunan bandar perlulah dibuat oleh agensi-agensi yang lain yang mempunyai kepakaran yang tersebut dan agensi-agensi yang telah dipertanggungjawabkan untuk pencapaian Dasar Ekonomi Baru, pengwujudan usahawan bumiputera pun perlulah melibatkan diri secara langsung. Sekiranya pihak FELDA menghadapi masalah kewangan untuk melaksanakan projek pusat bandar ini, maka saya suka mencadangkan supaya projek-projek sebegini diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak Pembangunan Bandar (UDA) supaya projek bandar itu dapat dibangunkan oleh agensi itu sendiri ataupun dilakukan secara penswastaan.

Sementara itu, pihak FELDA juga harus bekerjasama dengan agensi seperti MARA dan lain-lain pihak yang berkenaan untuk menyediakan pusat dan kemudahan perniagaan yang agak sempurna seperti gerai-gerai dan sebagainya di rancangan-rancangan FELDA untuk membolehkan peneroka-peneroka melibatkan diri dalam perniagaan kecil. Perbadanan Niaga FELDA perlulah memainkan peranan yang berbeza dari apa yang dilakukan oleh perbadanan tersebut sekarang ini. PNF perlulah bertindak sebagai pengedar, penunjuk ajar dan bukannya melibatkan diri dalam perniagaan runcit yang sepatutnya diberikan kepada peneroka-peneroka ataupun generasi kedua FELDA, anak-anak peneroka, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini adalah perlu supaya penghijrahan wang peneroka-peneroka ke luar dapat dikurangkan dan wang berkenaan dapat dipusingkan di kalangan mereka sendiri demi mencapai matlamat penubuhan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA juga perlu melibatkan diri dalam pelaksanaan Dasar Industri Kampung Kerajaan dan Dasar Industri Kecil yang bersesuaian dengan keadaan FELDA itu sendiri. Sebagai pengeluar bahan eksport utama negara seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya FELDA boleh melibatkan diri dalam industri pembuatan berdasarkan bahan berkenaan yang boleh mendatangkan punca pekerjaan kepada generasi kedua FELDA ataupun kepada peneroka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai rancangan FELDA ini ialah masih terlalu banyak rancangan-rancangan FELDA yang belum lagi mendapat kemudahan asas, khususnya bekalan elektrik dan air. Memahami masalah kewangan yang dihadapi oleh negara, oleh Kerajaan, saya sekali lagi suka menyeru supaya FELDA menyegerakan perancangan

menswastakan bekalan elektrik ini khususnya di rancangan-rancangan yang mempunyai kilang kelapa sawit dan kemudahan-kemudahan untuk mewujudkan mini-hydro power plant, dengan izin. Dengan ini masalah bekalan elektrik di rancangan-rancangan tersebut sekurang-kurangnya dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, di kebanyakan rancangan FELDA masalah jalan masuk ke rancangan dan masalah jalan perkampungan sering dijadikan isu oleh peneroka sendiri. Nampaknya pihak unit LKTP JKR tidak mempunyai kelengkapan yang cukup dan tidak boleh cope up, dengan izin, untuk memperbaiki jalan-jalan dan menyediakan prasarana asas yang sangat perlu di dalam rancangan itu sendiri. Sementara itu, pihak FELDA perlulah mengkaji sama ada dasarnya membina jalan masuk "below standard" atau "sub-standard" ke rancangan kerana jalan-jalan 5 tan atau 8 tan yang ada sekarang ini bukan sahaja meninggikan kos pembinaan, tetapi mendatangkan terlalu banyak masalah yang remeh-temeh. Terdapat juga kes di mana kelembapan satu-satu Jabatan mendatangkan kerugian yang amat besar.

Saya suka menarik perhatian FELDA, Tuan Yang di-Pertua, kepada satu batang jalan di kawasan saya sendiri di Tampin di mana jalan raya di Gugusan FELDA Palong menjadi rosak dan mengakibatkan kos pembaikan yang tinggi disebabkan oleh lori-lori muatan berlebihan. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis tidak dapat bertindak mengikut Undang-undang Lalulintas semata-mata kerana jalan ini belum lagi digezetkan walaupun ianya telah siap dibina 4, 5, 6 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di luar bandar di kampung-tradisi sebenarnya sangat berterima kasih dan terhutang budi kepada

Kerajaan Barisan Nasional atas segala kemudahan yang telah mereka nikmati hasil perjuangan mereka melalui Parti UMNO dan lain-lain parti komponen Barisan Nasional, oleh kerana itu mereka sekarang ini masih terus menjadi penyokong kuat Kerajaan. Seperti yang saya sebutkan semasa membahaskan Ucapan Belanjawan tahun lalu, rakyat luar bandar sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan kerana cita-cita dan usaha-usaha Kerajaan untuk menyusun semula ekonomi desa melalui Dasar Pertanian Negara, melalui Dasar Industri Kampung dan melalui Dasar Penyusunan Semula Kampung Tradisi ataupun melalui Program Kampung Berkelompok. Saya telah menyebutkan bahawa perkara ini perlulah dibuat sebagai satu projek khas yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui jentera Kerajaan yang khusus.

Di samping saya memahami jawapan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar semasa menggulung perbahasan tersebut, saya suka menarik perhatian pihak-pihak berkenaan tersebut sebenarnya tempo pelaksanaan dasar-dasar ini pada hemat saya bukan sahaja lembab tetapi dibuat dalam keadaan yang tidak jelas oleh pegawai-pegawai yang melaksanakannya. Di peringkat daerah, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan industri kampung misalnya dilakukan oleh KEMAS, sementara perancangan dibuat oleh Jawatankuasa Industri Kampung peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah sendiri.

Kalau di peringkat negeri, umpamanya di Negeri Sembilan, telah pun diwujudkan Jawatankuasa Industri Kampung Negeri yang ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai daripada berbagai agensi Kerajaan dan pihak KEMAS menjadi

Urusetianya. Jawatankuasa ini sebenarnya tidak mempunyai guideline yang jelas tentang apa yang patut dilakukan hinggan projek "accelerated village industry scheme", dengan izin, yang disarankan oleh Kementerian belum lagi diketahui dan difahami dengan jelas oleh Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut. Memandangkan projek ini adalah projek besar yang perlu dibuat secara teratur, saya masih berpendapat ianya perlu dibuat secara khusus dan perlulah dibuat sepertimana dilakukan oleh Kerajaan Korea Selatan melalui konsep Samuel Undong mereka. Rakyat Korea telah berjaya menjayakan konsep ini kerana mereka melakukan dengan penuh kesungguhan dan konsep ini bukan sahaja difahami dengan jelas oleh pegawai-pegawai pelaksana, tetapi juga oleh rakyat yang melaksanakannya.

Beberapa tahun yang lalu Kerajaan telah menyarankan supaya konsep yang diamalkan di negara Korea Selatan ini juga diamalkan di negara kita ini. Saya ingin minta pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada apa yang kita laksanakan sekarang ini dalam usaha-usaha kita menyusun semula ekonomi desa adalah konsep seperti yang dilaksanakan di negara tersebut yang telah disesuaikan mengikut suasana di negara kita sendiri. Jika sekiranya benar, maka perlu sangatlah penerangan yang jelas diberikan kepada semua yang berkenaan supaya kita dapat melihat tambahan produktiviti yang hebat oleh penduduk luar bandar, bukan sahaja menguntungkan mereka tetapi juga menguntungkan negara.

Ekonomi desa yang "non-commercial", dengan izin, yang berlandaskan kegiatan pertanian pelbagai dibuat dengan niat yang non-commercial adalah merupakan sistem

ekonomi yang kita warisi dari penjajah British yang lalu yang sudah pasti dibuat dengan motif penjajahan. Setelah 27 tahun kita merdeka, sistem ini masih lagi kekal. Memahami kesusahan untuk merubahnya, maka adalah sangat perlu satu approach yang bukan sahaja integrated tetapi dibuat secara rancangan yang rapi, berterusan dan berkesan perlulah kita laksanakan. Kita bukan sahaja menghadapi masalah sistem tanah ataupun sistem input pelaburan yang besar, tetapi yang lebih penting ialah daya fikiran, fahaman dan konsep orang-orang di luar bandar, petani-petani di luar-luar bandar yang perlu kita ubah. Jadi, yang amat perlu ialah satu kempen perang saraf untuk merubah cara berfikir petani-petani kita di kampung dijalankan selari dengan rancangan menjayakan pertanian commercial yang disarankan melalui Dasar Pertanian Negara.

Walaupun Sistem 2L Kementerian Pertanian masih perlu dilaksanakan tetapi asas untuk mewujudkan pertanian komersial patut diberi keutamaan. Kita tidak boleh bertumpu kepada kumpulan petani yang ada sekarang yang kebanyakannya terdiri daripada petani-petani lama dan telah pun berumur tetapi apa yang perlu kita tumpukan ataupun target group, dengan izin, ataupun kumpulan sasar haruslah beralih kepada golongan muda, golongan belia atau petani-petani muda. Usaha-usaha perlulah ditumpukan kepada menarik golongan belia supaya berminat dalam kegiatan tani dan saya berpendapat golongan belia ini akan melibatkan diri dalam sektor pertanian kalau mereka ini dapat kita yakinkan bahawa pulangan dari kegiatan petani adalah munasabah.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengatakan pada mesyuarat-mesyuarat yang lalu bahawa Rancangan Belia Tani

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan patutlah diadakan semula tetapi dalam bentuk yang perlu diselaraskan dengan Dasar Pertanian Negara dan oleh kerana itulah saya pernah menyarankan supaya satu rancangan corporate dengan penglibatan agensi Kerajaan dibuat untuk menjayakan Rancangan Belia Tani ini di peringkat daerah dan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara perlulah dilaksanakan dengan penuh kesungguhan oleh pegawai-pegawai pertanian di seluruh negara. Kejayaan dasar ini adalah sangat perlu bagi maksud mengisi erti kemerdekaan yang sebenarnya. Sebenarnya petani-petani kita di kampung-kampung tradisi merupakan golongan-golongan yang berpuas hati dengan apa yang ada pada masa kini. Mereka merupakan golongan yang tidak banyak menimbulkan masalah tetapi sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab kita sudah pasti ingin merubah nasib mereka, niat dan sikap dan pandangan mereka kepada keadaan yang lebih baik seperti yang telah kita rancang melalui Dasar Pertanian Negara. Yang demikian kegiatan-kegiatan Jabatan Pertanian tidak seharusnya dibuat bersesuaian dengan apa yang ada dan apa yang dikehendaki oleh petani-petani kita di kampung-kampung. Zaman bantuan subsidi pokok buah-buahan, umpamanya memberi dua, tiga batang pokok durian, empat, lima batang pokok rambutan dan sebagainya, bantuan anak ayam sepuluh, lima belas ekor atau sistem lembu pawah satu, dua ekor sudah lagi tidak sesuai, Tuan Yang di-Pertua. Bantuan pertanian untuk terus mengukuhkan sistem pertanian pelbagai mestilah digantikan dengan bantuan modal, bantuan ilmu, bantuan fikiran dan bantuan fizikal ke arah pertanian komersial.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin melihat petani-petani kita menikmati

tahap kehidupan sepertimana petani-petani di negara-negara lain, di negara-negara maju seperti di Jepun, di Korea, di Afrika Utara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu semasa membahaskan Usul ini, kita telah mendengar beberapa pendapat daripada Parti Pembangkang seperti yang telah saya sebutkan tadi. Saya sebenarnya merasa amat kecewa atas sikap Parti Pembangkang kita yang mempersoalkan beberapa isu dan cara mereka mengemukakan isu-isu ini seolah-olah mereka inilah yang sebenarnya menjadi pemimpin negara ini dan selalunya menyalahkan kepada Kerajaan. Satu perkara yang disebutkan ialah mereka ini mempertikaikan atas niat dasar dan cita-cita Kerajaan untuk mengamalkan satu Kerajaan yang bersih dan cekap dan amanah dan mereka ini telah menimbulkan beberapa isu yang tidak sepatutnya ditimbulkan seperti yang telah saya sebutkan tadi iaitu mengatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional adalah rubber stamp, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak mengetahui tentang undang-undang yang ditimbulkan dan sebagainya seolah-olah mereka sahaja yang tahu. Kita telah pun menengok tingkah-laku beberapa Ahli-ahli Parti DAP yang mempermainkan Dewan kita ini seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang bercakap sebelum saya tadi, mereka telah mengabaikan amanah rakyat. Umpamanya, Ahli dari Jelutong yang sepatutnya hadir di mesyuarat ini tidak hadir semata-mata kerana kedegilannya dan kedegilannya ini bukan sahaja menyusahkan orang ramai, rakyat yang di kawasan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tetapi juga menyusahkan kita di Dewan ini kerana perkara-perkara yang ditimbulkan selalunya menghabiskan masa dan tidak patut ditimbulkan.

Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, harus jugalah kita memikirkan tentang perkara-perkara yang telah ditimbulkan sama ada di Dewan ini ataupun di luar Dewan ini oleh Parti Pembangkang PAS yang telah menimbulkan isu-isu yang boleh merosakkan akidah orang Islam sendiri dan memecahkan perpaduan orang Melayu. Perkara ini sepertimana yang disebutkan oleh saudara saya tadi bukanlah kerana kita takut kepada Parti PAS tetapi tindak-tanduk mereka itu boleh menghancurkan bangsa kita, bangsa Melayu sendiri dan bangsa Malaysia sendiri. Oleh itu Kerajaan perlulah mengambil tindakan yang lebih tegas supaya perkara ini masih dikawal, supaya perkara ini tidak akan menjejaskan perjalanan demokrasi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

6.56 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda yang begitu bernas.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda sangat menitik-beratkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang keturunan. Baginda juga menegaskan pentingnya untuk mengamalkan satu sikap sederhana dalam segala hal termasuk perkara-perkara politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain lagi. Baginda juga memberi jaminan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan tidak akan menjejaskan hak asasi kaum-kaum yang lain. Jaminan

Baginda ini akan dapat mengurangkan perasaan bimbang dan curiga di kalangan kaum-kaum yang bukan Islam dan juga ianya dapat mengingatkan para ataupun puak pelampau yang dengan sengajanya atau tidak nampaknya melupakan hakikat bahawa negara kita ini ialah sebuah negara yang berbilang kaum dan berbilang agama dan juga hakikat bahawa hak asasi untuk beragama bebas adalah terlindung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sikap sederhana dan pendekatan positif seperti yang ditunjukkan di dalam Titah Ucapan Baginda ini amatlah dialu-alukan dan dihargai. Sebenarnya sikap dan pendekatan seumpama ini merupakan asas pembinaan negara kita sejak kemerdekaan, satu proses yang berpandu kepada Rukunegara, Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip demokrasi dan juga prinsip-prinsip hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kerja untuk membina sebuah negara yang

berbilang kaum seumpama negara kita ini dan kerja untuk memupuk perpaduan dalam negara seumpama ini bukanlah satu kerja ataupun tugas yang senang kerana yang berbilang kaum, berbilang agama, berbilang kebudayaan ini masing-masing mempunyai sejarah dan latar-belakang mereka masing-masing dan juga mempunyai pendapat-pendapat yang berbeza-beza mengenai. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung pada hari Isnin.

Dr Koh Tsu Koon: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada hari Isnin, pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.